



**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 2935]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 2965]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1983**

**Jawatankuasa (Hari Keempat)—**

**Jadual:**

**Maksud B. 18 [Ruangan 2967]**

**Maksud B. 19 [Ruangan 3009]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1983:**

**Jawatankuasa (Hari Keempat)—**

**Maksud P. 18 [Ruangan 2967]**

**Maksud P. 19 [Ruangan 3009]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,  
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang  
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam  
Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,  
S.P.N.S., (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,  
S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI  
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGKU DATO'  
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,  
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH  
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu  
Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.  
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,  
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO  
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'  
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei  
Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N., (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K, K.M.N (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).

- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Tefok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

- Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S, A.B.S. (Batang Lumar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).

Yang Berhormat TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

- .. TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- .. TUAN LING SIE MING (Sibu).
- .. TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- .. TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- .. TUAN AHMAD SHAH BIN DATO' HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- .. TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- .. TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- .. DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- .. TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- .. TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. TUAN HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang  
Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong  
Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

**Jumaat, 12hb November, 1982**

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat tidak hadir)*

**PETRONAS—PENYATA AKAUN  
TAHUNAN**

**2. Tuan Sim Kwang Yang** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah kali terakhir Penyata Kira-kira Tahunan dikemukakan oleh PETRONAS untuk diodit oleh Juruodit Negara dan untuk diteliti oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; nyatakan juga sama ada PETRONAS akan ditempatkan terus di bawah kawalan dan penelitian Parlimen.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang Dipertua, Petronas tidak perlu mengemukakan Penyata Akaun Tahunannya kepada Ketua Audit Negara atau Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara kerana Petronas ialah sebuah syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965. Seperti syarikat-syarikat berdaftar yang lain, Petronas dikehendaki mengemukakan Laporan Tahunan dan Akaun Auditnya kepada Pendaftar Syarikat-syarikat.

Penyata Akaun Tahunan Petronas diaudit oleh sebuah firma akauntan-akauntan profesional yang bertauliah sebelum ianya dikemukakan kepada Pendaftar Syarikat-syarikat. Salinan-salinan penyata itu dikemukakan juga kepada Perdana Menteri, Ketua Audit Negara dan Perbendaharaan untuk perhatian mereka.

Mengikut perundangan yang diluluskan oleh Parlimen Petronas adalah diletakkan di bawah pengawasan Perdana Menteri sendiri. Sebenarnya Petronas tidak dikecualikan daripada kawalan dan penelitian Parlimen. Ahli Yang Berhormat itu tidak sedar bahawa kesempatan yang diberikan kepada beliau untuk mengemukakan pertanyaan itu dan ini, sebenarnya merupakan kawalan yang dipertanggungjawabkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua ke atas perjalanan Petronas.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana Petronas mempunyai tanggungan dari segi pentadbiran dan kewangan tahunan yang begitu besar dan merupakan punca-punca hasil utama bagi kewangan dan ekonomi negara kita dan juga usaha mencarigali minyak dan gas masih berjalan ke seluruh negara, adakah Kerajaan bercadang untuk menghidupkan semula atau menubuhkan yang baru satu Kementerian yang dinamakan "Kementerian Minyak dan Hasil Bumi Negara" bagi merangkumi semua pengeluaran minyak dan juga hasil galian dalam negara ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang Dipertua, kita sudahpun mempunyai Kementerian Perusahaan Utama yang mana perusahaan utama ini melibatkan juga segala jenis galian. Walaupun demikian, oleh kerana hasil minyak adalah satu hasil yang dianggap penting untuk negara maka ini diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adakah benar semenjak Petronas, sebuah syarikat ditubuhkan, banyak sangat pegawai-pegawai dari Jabatan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun seperti MARA yang telah mendapat pekerjaan mereka di Petronas selepas berijazah biasiswa Kerajaan ataupun MARA. Kalau ada, adakah Petronas sanggup membayar balik kos pelajaran mereka kepada Jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi Kerajaan yang memberi pelajaran kepada mereka.

**Tuan Yang Dipertua:** Pada fikiran saya soal itu tak berbangkit.

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Dengan izin*) Since Petronas is one of the largest revenue-generating agencies in the country undertaking a very important job of extracting gas and oil, I would like to know (i) what are the Government procedures or safeguards regarding proper management and (ii) is it true that some of Petronas money is deposited in foreign banks?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang Dipertua, segala usaha untuk menjaga supaya kepentingan kewangan Petronas tidak disalahgunakan sudahpun diadakan dan pengawasan dibuat sepanjang masa dan tidak ada bukti bahawa ada penyelewengan yang berlaku. Walau bagaimanapun, kalau Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat-maklumat tertentu, maka pihak Kerajaan ingin mendengar berkenaan dengannya.

Berkenaan dengan bahagian kedua soalan tadi saya ingin memberi pengakuan, iaitu pada satu ketika memang benar ada hasil pendapatan Petronas yang disimpan di luar

negeri kerana pada ketika itu simpanan di luar negeri memberi hasil yang lebih baik kepada negara, tetapi pada waktu ini 100% daripada hasil yang diperolehi oleh Peronas disimpan di dalam negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan.

(*Soalan No. 3 Y.B. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir*)

## PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

**4. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah yang telah dilakukan setakat ini untuk memperkemaskan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan menjadikannya satu skim keselamatan sosial pekerja yang lebih bermakna yang dapat memberi faedah kepada semua mereka yang dilindungi oleh pertubuhan.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk William Lye Chee Hien):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya baru-baru ini telahpun mendapatkan perkhidmatan seorang Actuary dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) untuk membuat kajian atas Skim-skim Keselamatan Sosial pekerja yang ditadbirkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Actuary itu adalah juga dikehendaki membuat perakuan-perakuan dan syor-syor bagaimana skim-skim itu dapat diperbaiki lagi untuk menjadikannya lebih bermakna kepada semua yang diliputinya.

Kementerian saya sedang menunggu laporan lengkap Actuary itu yang dijangkakan akan dikemukakan tidak lama lagi. Sejak pelaksanaan skim PERKESO pada 1hb Oktober, 1971 satu kajian Actuary yang pertama telahpun dibuat pada akhir tahun 1976. Kajian itu telah menghasilkan beberapa perubahan dan di antaranya adalah seperti berikut:

- (1) Kadar harian faedah orang tanggungan (Dependent Benefit) dalam bayaran telah dinaikkan sebanyak 7%;

- (2) Kadar harian faedah hilang upaya kekal (Permanent Disability Benefit) dalam bayaran telah dinaikkan sebanyak 5%; dan
- (3) Faedah Kebumian (Funeral Benefit) telah dinaikkan dari \$100 kepada \$500.

Satu lagi kajian telah dibuat pada tahun 1979 sebagai susulan kepada kajian Actuary yang pertama itu dan kajian ini pula telah juga menghasilkan beberapa perubahan dan contoh-contohnya adalah seperti berikut:

- (1) Kadar harian faedah orang tanggungan dan faedah hilang upaya kekal dalam bayaran sejak kenaikan terakhir telah dinaikkan antara 3% hingga 15%; dan
- (2) Kadar harian faedah hilang upaya sementara atau faedah hilang upaya langsung yang kekal telah dinaikkan dari 60% kepada 70%.

Kementerian saya yakin bahawa kajian yang baru sahaja dijalankan itu pula akan menghasilkan perubahan-perubahan lagi yang akan membawa faedah-faedah tambahan kepada semua yang diliputi.

Tuan Yang Dipertua, di samping itu Kementerian saya akan memperkemas lagi sistem pentadbiran PERKESO supaya ianya dijalankan dengan lebih licin dan akan mengkaji faedah-faedah di bawah skim-skim PERKESO dari semasa ke semasa supaya faedah-faedah itu menjadi setimbang dengan perubahan masa.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa wang pampasan yang diberi di bawah skim PERKESO misalnya seorang yang kehilangan 4 jarinya hanya boleh mendapat \$3.90 sehari. Saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar tentang hal ini dan jika sedar, adakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang apabila menjalankan kajian tentang skim maka kadar wang pampasan akan dinaikkan.

**Datuk William Lye Chee Hien:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan tambahan itu telahpun saya jawab tidak lama dahulu.

Pampasan ini adalah mengikut kadar yang tertentu dalam undang-undang dan walaupun Kementerian saya ada menerima beberapa aduan mengatakan pembayaran itu adalah rendah tetapi kami belum pernah menerima apa-apa kes yang spesifik supaya dapat disiasat. Baru tadi saya ada jawab Kementerian saya sedang menjalankan satu kajian untuk menambahkan bayaran pampasan itu.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada majikan untuk mengambil faedah PERKESO ini untuk faedah kebajikan pekerjanya dan apakah tindakan yang boleh diambil kepada majikan yang memenuhi syarat tetapi tidak mahu mengambil faedah PERKESO ini.

**Datuk William Lye Chee Hien:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta Yang Berhormat itu ulang soalan itu.

**Tuan Yang di-Pertua,** Sila ulang semula.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Saya ingin bertanya Timbalan Menteri apakah syarat yang dikenakan kepada majikan untuk mengambil faedah Perkeso ini kepada kakitangannya dan apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak Kementerian kepada majikan yang memenuhi syarat yang dikenakan itu tetapi tidak mahu mengambil faedah PERKESO ini.

**Datuk William Lye Chee Hien:** Tuan Yang di-Pertua, bagi majikan itu di bawah Skim PERKESO kami ada dua skim iaitu satu Skim Insuran Bencana Pekerjaan di mana majikan akan memberi caruman 1.25% mengikut kadar gaji pekerja dan kedua ialah Skim Pencen Kilat di mana majikan diwajibkan membayar caruman setengah peratus dan pekerja juga diwajibkan membayar setengah peratus dan satu lagi syarat bagi majikan ialah jikalau ada apa-apa kemalangan majikan itu tidak boleh didakwa oleh pekerjanya, dan jikalau satu-satu

majikan itu tidak mematuhi undang-undang PERKESO ini kami memang mempunyai undang-undang yang boleh membawakan majikan itu ke mahkamah.

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Dengan izin*) I would like to ask the Deputy Minister of Labour and Manpower whether he is aware of the difficulties in registering workers in trades which have a high staff turnover such as in the construction industry. If so, what steps have been taken to remedy the situation. Two, whether he is aware that many employers are not even aware of the scheme and what public aduation programme has been under planning in order to correct this situation?

**Datuk William Lye Chee Hien:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pertanyaan yang pertama Yang Berhormat itu adalah keluar dari soalan asal ini dan kepada soalan kedua itu ialah mengikut apa-apa yang ada terdapat pada kami sekarang semua pekerja-pekerja dan majikan-majikan di negara ini melainkan sedikit di Sarawak dan Sabah telahpun menikmati Skim-skim PERKESO ini. Walau bagaimanapun, kami sedang menjalankan satu rancangan di Sabah dan Sarawak untuk memberi maklumat kepada majikan-majikan dan pekerja-pekerja melalui risalah-risalah dan melalui Pejabat Penerangan (Information Office).

**Tuan Saidin bin Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada pekerja-pekerja di kilang-kilang yang tidak tahu bagaimana cara mereka untuk mendapatkan perlindungan di bawah PERKESO ini. Jadi, soalan saya adakah pihak PERKESO telah memberikan penjelasan yang lengkap dan sempurna kepada semua pekerja-pekerja di swasta ini supaya mereka dapat mengetahui apakah perkhidmatan yang akan diperolehi oleh pekerja-pekerja itu daripada PERKESO.

**Datuk William Lye Chee Hien:** Tuan Yang di-Pertua, tadi ada saya katakan Kementerian saya memang ada

mengeluarkan risalah-risalah untuk dibahagikan kepada pekerja-pekerja dan atas itu PERKESO sendiri juga ada menghantar pegawai-pegawai dari PERKESO untuk melawat di tiap-tiap tempat perindustrian dan Pegawai Buruh juga pun telah dihantar melawat tiap-tiap tempat pekerja dan di dalam lawatan ini pegawai-pegawai ini sentiasa memberi maklumat bukan sahaja dari segi Undang-undang Buruh tetapi juga berkaitan dengan PERKESO. Saya harap jikalau Yang Berhormat itu mengetahui ada sesiapa pekerja itu yang tidak mematuhi PERKESO ini, saya harap Yang Berhormat itu boleh menasihatkan pekerja-pekerja supaya boleh berhubung dengan mana-mana tempat Pejabat PERKESO atau Pejabat Buruh.

**Tuan Yang di-Pertua,** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

(*Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah tidak hadir*)

**Tuan Yang di-Pertua,** Yang Berhormat Datuk Alfred Jabu anak Numpang.

(*Soalan No. 6 Y.B. Datuk Alfred Jabu anak Numpang tidak hadir*)

#### SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CHINA— BANTUAN

7. **Dato' Michael Chen Wing Sum** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk memberi bantuan penuh kepada sekolah-sekolah rendah China terutama yang terletak di kawasan-kawasan luar bandar, terhadap penyelenggaraan atau pembinaan bilik-bilik darjah baru dan lain-lain kemudahan tanpa mengira sama ada yang berkenaan itu dimiliki oleh Lembaga Pengurus atau Kerajaan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, pemberian bantuan penuh untuk pembinaan sekolah hanya boleh dibuat jika tanah itu hak

kepunyaan Kerajaan. Bagi sekolah-sekolah yang tapak tanah bukan milik Kerajaan seperti kebanyakan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China, Sekolah Mubaligh, Kementerian hanya dapat memberi bantuan modal mengikut Regulation 7 of the Education (Grant) Regulations, 1962, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Grant ini boleh diberi mengikut keperluan sesebuah sekolah dari segi pembangunannya serta keupayaan Lembaga-lembaga Pengurus Sekolah tersebut membiayai pembangunan dari sumber-sumber mereka sendiri.

Selagi tanah, tapak sekolah itu tidak diserahkan kepada Kerajaan maka segala bantuan untuk pembinaan hanya boleh dibuat mengikut Regulation 7 of Education (Grant) Regulations, 1962 sahaja. Oleh itu bantuan modal untuk pembangunan hanya dapat diberi berpandu kepada tiap-tiap kes mengikut merit masing-masing.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa setahu saya terdapat satu formula di mana bagi Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang tanahnya bukan milik Kerajaan, bantuan Kerajaan boleh diberi mengikut kadar \$1.00 bantuan Kerajaan bagi tiap-tiap \$1.00 derma yang dikutip dari orang ramai. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa setakat ini formula seperti ini pun tidak diamalkan dengan sepenuhnya bagi kebanyakan sekolah yang berkenaan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa peruntukan bantuan yang mencukupi diberi sekurang-kurangnya mengikut formula yang sedia ada supaya sekolah-sekolah ini tidak menghadapi masalah kekurangan bilik darjah?

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar ada bantuan yang telah diberi tidak mengikut formula yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Ini ialah kerana ada sekolah-sekolah di kampung baru di mana masyarakat di sana tidak ada kemampuan kalau berbanding

dengan masyarakat di pekan dan di sekolah-sekolah dan tempat-tempat itu kita adalah memberi bantuan sampai ke 100%, tidak mengikut formula \$1.00 itu tetapi memberi bantuan yang penuh walaupun sekolah itu kalau mengikut Regulation 7 of the Education (Grant) Regulations, 1962 hanya boleh mendapatkan sebilangan bantuan sahaja.

**Dato' Lee Kim Sai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa masih ada tapak sekolah didapati di kampung-kampung baru menghadapi kekeliruan tentang sama ada tapak itu dimiliki oleh Kerajaan ataupun dimiliki oleh Lembaga Pengurus tempatan yang kerana kekeliruan itu maka sekolah-sekolah itu tidak tahu sama ada mereka patut menerima bantuan modal ataupun diberi grant terus?

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, hanya sebilangan sekolah di kampung baru ada masalah berkenaan status tanah sekolah itu. Di seluruh Semenanjung Malaysia kedudukan tanah untuk Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan adalah jelas di dalam 620 buah sekolah ialah tanah bukan hakmilik Kerajaan dan 301 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan tanah sekolah itu ialah hakmilik Kerajaan dan banyak lagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di dalam jumlah 620 ini Lembaga Pengurusnya tidak membuat keputusan ingin memberikan atau menukar hakmilik tanah dan sebelum mereka membuat keputusan, Kerajaan tidak boleh mengambil hakmilik tanah itu.

**Tuan Lim Liang Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bersabit dengan status tanah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Pelajaran berkenaan adakah benar baru-baru ini satu surat pekeliling telah dikeluarkan kepada sekolah-sekolah berkenaan memberi takrifan yang baru mengenai perkara ini. Apa yang dimaksudkan oleh saya ialah sekolah-sekolah yang dahulunya dianggap sebagai milik Kerajaan kerana dibina di atas tanah

Kerajaan Negeri sekarang dengan pengeluaran surat pekeliling ini dianggap sebagai sekolah bukan milik Kerajaan. Saya ingin menyoal Kementerian berkenaan kenapa langkah ini diambil, adakah ini satu langkah oleh pihak Kerajaan untuk mengelak tanggungjawab Kerajaan dalam pemberian bantuan modal kepada sekolah-sekolah ini?

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat, surat pekeliling yang dikeluarkan kepada Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China hanya hendak memberi penjelasan kepada Guru Besar-Guru Besar sekolah-sekolah SRJK (C) tentang kedudukan sekarang berkenaan status sekolah-sekolah tersebut dan Kementerian Pelajaran sedang mengkaji dan membuat siasatan berkenaan 620 buah sekolah yang pada hari ini di bawah Regulation 7 of the Education (Grant) Regulations, 1962 ini untuk menentukan kedudukan tanah yang sebelum Merdeka telah ditakrifkan sebagai tanah Kerajaan tetapi selepas Merdeka Lembaga Pengurus telah membuat satu keputusan tanah bukan hakmilik Kerajaan tetapi di bawah nama Trustees dan oleh sebab itu dan oleh sebab perkara ini amat sensitif kita pada mulanya memberi satu circular sahaja dan selepas itu kita akan membuat siasatan dan selesaikan masalah ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Atas kepentingan dan perkembangan sekolah-sekolah SRJK(C) tidak kira sama ada bangunan-bangunan sekolah didiri atas tanah Kerajaan atau tanah bukan Kerajaan, bolehkah Kementerian dengan tindakan yang tegas berhentikan categorisation kepada dua jenis sekolah itu? Tidak kira tanah Kerajaan atau tidak Kerajaan, sekolah-sekolah SRJK(C) dan semuanya patut dapat bantuan sepenuhnya dan tidak ada diskriminasi oleh kerana tanah dipunyai oleh sesiapa.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah memberi penjelasan ini bukan oleh sebab diskriminasi. Kalau Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka faham dari

segi undang-undang jikalau kita ada satu regulation kita mesti patuh pada regulation. Kalau ada diskriminasi pada tahun 1982 ini sampai bulan September, Kerajaan telah memberi bantuan modal kepada sekolah-sekolah yang bukan di atas tanah hakmilik Kerajaan berjumlah \$4,497,600 dan ini bukan satu jumlah yang diberi jikalau ada diskriminasi.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu jumlah bantuan kewangan bagi tahun ini yang diberikan kepada sekolah-sekolah yang tanahnya dimiliki oleh Kerajaan?

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, ini saya perlukan notis.

#### GURU-GURU SEKOLAH—KELAKUAN DAN TATATERTIB

**8. Tuan Haji Hashim bin Haji Endut** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar ramai juga guru-guru Sekolah Rendah dan Menengah terutamanya guru-guru agama dan lain-lain guru dalam kawasan pendalaman yang tidak bertanggungjawab terhadap Kerajaan bersih, cekap dan amanah sedang dijalankan sebaran aktiviti anti nasional. Kalau sedar berapa ramai mereka yang terlibat dan apakah tindakan Kementerian kepada mereka. Kalau tidak, mengapa.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar adanya kenyataan-kenyataan yang mengatakan bahawa terdapat sebilangan kecil guru-guru kita tidak mengikut peraturan-peraturan mengenai kelakuan dan tatatertib Perintah-perintah Am Pegawai Awam, Bab 'D' 1980. Dari masa ke semasa Kementerian saya ada membuat siasatan dan sekiranya terdapat bukti-bukti yang konkrit, tindakan-tindakan sewajarnya diambil terhadap guru-guru yang terlibat ini. Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat, tindakan tatatertib yang diambil

ke atas mana-mana guru atau Pegawai Perkhidmatan Pelajaran bukanlah berdasarkan taraf atau kategori tetapi semata-mata atas sebab kesalahan yang beliau lakukan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan adanya segelintir guru-guru yang tidak bertanggungjawab adakah ini akan menjejaskan pelaksanaan KBSR?

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut sebilangan kecil guru-guru daripada sebilangan besar kakitangan yang ada di dalam Perkhidmatan Pelajaran. Ini merupakan perkara biasa dan tidak akan membimbangkan pelaksanaan KBSR.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguh malang nasib guru-guru agama ini sentiasa menjadi tohmahan, tuduhan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat itu tidak boleh membuat penjelasan.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Sedikit sahaja latar belakang kemudian baru soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh macam itu.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Soalan macam ini. Apakah orang-orang yang anti Barisan Nasional terutama guru-guru agama itu merupakan anti-national?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak benarkan soalan itu.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menyatakan bahawa beliau sedar ada segelintir guru-guru agama yang mengajar di pendalaman menjalankan kegiatan-kegiatan yang dianggap sebagai anti nasional. Saya ingin tahu daripada beliau sama ada beliau dapat mengesan tentang sebab-sebab atau motif mengapa mereka ini

berkelakuan demikian, sama ada sebagai tindakan untuk membalas dendam ataupun sebagai taktik supaya mereka ini ditukarkan ke sekolah-sekolah dalam bandar?

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan asal yang sebenarnya menyebut guru-guru sekolah rendah, menengah, termasuk juga guru-guru agama dan dalam hal ini saya telah menyatakan bahawa dari masa ke semasa kita menyiasat apabila terdapat kenyataan-kenyataan. Saya ingin juga menyatakan di sini bahawa sehingga ini tidak ada guru-guru atau Pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang telah diambil tindakan tatatertib atas sebab sebaran apa yang dikatakan aktiviti anti nasional itu.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Pelajaran sudahkah Kementerian Pelajaran mengedarkan surat pekililing kepada guru-guru agama yang didapati menjalankan aktiviti anti Kerajaan ini dan di dalam surat pekililing itu adakah diterangkan bahawa guru agama ini makan gaji dengan Kerajaan dan dia patut meletakkan jawatan itu jika menentang Kerajaan?

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, guru-guru agama di bawah Kementerian pelajaran tidak lari dikenakan di bawah peraturan dan syarat-syarat yang dari masa ke semasa dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran. Suka juga saya menyatakan di sini mungkin apa juga yang dikatakan pelanggaran tatatertib ataupun syarat-syarat mengenai guru agama ini ada kaitan dengan syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama dalam satu-satu negeri dan peraturan-peraturan ini tiada kaitan dengan Kementerian Pelajaran.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau sekiranya guru itu, baik dari guru sekolah menengah, rendah atau guru agama daripada ahli UMNO tentulah dia dapat mengajar

dengan baik kerana dia mengikut dasar Kerajaan yang betul, tentulah mereka ini dapat mengajar dengan baik, tetapi kalau guru ini anti nasional adakah guru itu dapat mengajar dengan baik?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak benarkan soalan itu (*Ketawa*).

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi ada menyatakan memang ada sebilangan kecil daripada sebilangan besar guru-guru yang mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti anti nasional. Dalam jawapannya juga yang baru sebentar tadi beliau mengaku belum ada sebarang tindakan diambil terhadap guru-guru yang menjalankan aktiviti-aktiviti anti nasional itu. Apakah ini bermakna bahawa Kementerian Pelajaran menghalalkan perbuatan anti nasional itu sedangkan Kementerian itu sedar adanya perbuatan anti nasional dan kalau menghalalkan perbuatan anti nasional di kalangan guru-guru ini dan tidak dianggap satu kesalahan, maka bagaimana pula Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi mengakui bahawa ada terdapat guru-guru yang terlibat di dalam perbuatan anti nasional?

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu kita tidak menghalalkan perbuatan anti nasional ataupun perkara-perkara yang berkaitan dengan anggapan bahawa guru-guru kita terlibat dengan aktiviti-aktiviti anti-nasional. Kita juga macam saya katakan tadi sentiasa mengesan dan mencari bukti-bukti asas kesalahan. Apabila sesuatu kenyataan itu diterima oleh pihak kami, setelah mendapat bukti-bukti yang cukup, barulah tindakan itu diambil. Setakat ini tidak ada tindakan diambil oleh kerana kami belum lagi mendapat bukti-bukti yang cukup.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri Pelajaran menyatakan beliau sedar bahawa ada segolongan guru-guru yang menentang dasar-dasar Kerajaan. Di sini saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri pelajaran

berhubung dengan masalah guru-guru ini, adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk brainwash guru-guru ini supaya guru-guru ini tidak lagi menentang dasar-dasar Kerajaan.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak seharusnya pergi sampai ke situ, saya tidak mahu menyebut ayatnya. Tetapi dari masa kesemasa kita mengadakan kursus-kursus, kita mengadakan orientasi dan guru-guru juga dikehendaki mengikuti seminar-seminar yang dianjurkan oleh Kerajaan Khasnya oleh Kementerian Pelajaran. Perkara-perkara yang membimbangkan sentiasalah kita masukkan untuk pengertian di dalam kursus-kursus dan seminar-seminar yang saya sebutkan tadi.

#### PENSYARAH KONTREK KELIMA-LIMA UNIVERSITI

**9. Tuan Yeoh Poh San** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan jawatan Pensyarah ke atas mulai dari tahun 1979 yang berkhidmat secara kontrek dalam kelima-lima Universiti tempatan dan berapa di antara mereka yang bukan warganegara Malaysia.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan jawatan pensyarah dan ke atas yang berkhidmat secara kontrek di kelima-lima universiti tempatan dari tahun 1979 hingga 1982 dan bilangan bukan warganegara Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Pensyarah Kontrek</i>	<i>Bilangan Pensyarah Kontrek Bukan Warganegara</i>
1979	263	251
1980	240	228
1981	246	233
1982	262	250

**Tuan Tan Kok Hooi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang dimaklumkan mulai tahun depan Bahasa Malaysia adalah

bahasa pengantar bagi kelima-lima universiti tempatan. Jadi, apa tindakan Kementerian Pelajaran telah ambil supaya pensyarah-pensyarah asing boleh bersyarah dalam Bahasa Malaysia dengan lancarnya.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, kursus untuk Bahasa Malaysia ada diberi kepada pensyarah-pensyarah yang berkontrek.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebab-sebabnya begitu ramai pensyarah-pensyarah asing diterima masuk untuk berkhidmat sebagai pensyarah kontrek dan apakah sebabnya bilangan tidak berkurangan tetapi bertambah di antara tahun 1981 dan 1982.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, pengambilan pensyarah-pensyarah berkontrek dari kalangan bukan warganegara dilakukan oleh kerana ketiadaan calon-calon tempatan yang layak dan sesuai dalam bidang-bidang tertentu yang diperlukan oleh universiti-universiti dari masa ke semasa. Pihak universiti-universiti sedang melatih anak-anak tempatan untuk menggantikan pegawai-pegawai kontrek tersebut.

Tadi Yang Berhormat itu sebutkan dalam tahun 1981 kalau dibandingkan dengan tahun 1982 adalah bertambah hanya 17 orang lagi pensyarah berkontrek. Ini oleh kerana pengambilan di dalam universiti-universiti tempatan bagi jumlah penuntut yang kita ambil pada tahun 1982 ada juga bertambah.

**Tuan Yeoh Poh San:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan tadi tidak ada rakyat Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan-jawatan yang diberikan secara kontrek kepada mereka yang bukan warganegara, tetapi adakah Kementerian Pelajaran mengambil langkah-langkah untuk mengambil warganegara yang berkhidmat secara kontrek di dalam lima universiti tempatan masuk ke jawatan-jawatan tetap.

**Dr Tan Tiong Hong:** Ada.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang menolong mengeluarkan Sijil Kewarganegaraan kepada pensyarah-pensyarah universiti yang bukan warganegara Malaysia jika mereka memohon?

**Tuan Yang di-Pertua,** Saya rasa pertanyaan itu tidak berbangkit.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ingin saya dapat penerangan daripada Timbalan Menteri, apakah bidang-bidang di mana tidak adanya warganegara untuk diambil menjadi pensyarah di universiti.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, ramai di antaranya di bawah Fakulti-fakulti Sains dan Perubatan dan fakulti-fakulti yang mempunyai calon-calon yang ada lebih pengalaman specialty itu. Saya tidak ada pecahan di bawah fakulti-fakulti tertentu tetapi majoritinya ialah di bidang sains.

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah apa-apa keistimewaan diberi atau dibayar kepada mereka yang berkhidmat secara kontrek terutama sekali bukan warganegara Malaysia dan adakah di antara mereka yang tamat berkhidmat menyambung semula perkhidmatan.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita dapati calon-calon anak tempatan sendiri, kita tidak melanjutkan lagi kontrek yang telah diberi dan keistimewaan kita harus beri jikalau kita hendak mendapat pensyarah-pensyarah yang ada taraf yang tinggi.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi, beliau menyatakan bahawa sebabnya tidak ada calon-calon tempatan yang berkelayakan dan oleh sebab itu Kementerian melantik pensyarah dari negara asing. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar ada kebanyakan rakyat Malaysia yang berkhidmat di universiti di luar negeri. Apakah langkah diambil oleh pihak

Kementerian menggalakkan mereka pulang ke negara kita untuk berkhidmat di universiti tempatan?

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, apabila ada sesuatu kekosongan di dalam universiti-universiti tempatan dan untuk mengisikan jawatan-jawatan tersebut kita membuat iklan (advertisement) di akhbar tempatan dan juga akhbar international luar negeri. Jika mereka tidak mahu membuat permohonan, kita tidak boleh memaksa mereka balik ke negara kita.

**Tuan Mohamad Idris bin Mohammad Basri:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran iaitu mengikut angka-angka yang diberi daripada tahun 1979 hingga 1982, sepanjang empat tahun iaitu ada 12 orang sahaja warganegara yang memegang jawatan yang berkenaan daripada bilangan yang diberi 263,240 dalam tahun 1980, 246 dalam tahun 1981 dan 262 dalam tahun 1982. Adakah ini bermakna sepanjang empat tahun ini Kementerian yang berkenaan tidak dapat menggalakkan atau mendapatkan warganegara yang berkelayakan untuk menyandang jawatan-jawatan yang berkenaan?

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, gambaran statistik ini bukan dianggap sebagai statik. Ini oleh kerana tahun demi tahun bilangan pensyarah yang kita ambil bertambah dan ini hanya bilangan yang di masa itu kita menerima sebagai kontrak jawatan-jawatan yang kita tidak dapat isikan dengan anak-anak tempatan, dan gambaran ini tidak boleh dianggap sebagai satu peristiwa di mana tidak ada improvement atau perubahan. Ini boleh dianggap kita telah menstabilkan masalah untuk mengisikan jawatan-jawatan tertentu dan kita harap tahun akan datang kita boleh mengurangkan lagi kontrak-kontrak kepada pensyarah-pensyarah yang bukan warganegara. Tetapi saya juga ingin menjelaskan di sini kita tidak boleh dengan seluruhnya tidak ada pensyarah-pensyarah yang bukan warganegara oleh kerana ada bidang-bidang tertentu di mana kita perlu mengadakan

expert untuk bidang-bidang ini memberi bimbingan dan pertolongan kepada universiti-universiti tempatan.

**Tuan Ling Sie Ming:** (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I wish to ask the Deputy Minister of Education to state the number of lecturers or professors engaged in the five local universities whose degrees are not recognised by our Government, and state the reasons.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soal berlainan.

**Tuan Yeoh Poh San:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar mulai dari tahun 1979 dari jumlah permohonan-permohonan warganegara yang berkhidmat secara kontrak di dalam universiti-universiti tempatan permohonan-permohonan mereka untuk berkhidmat secara permanent tidak satupun dilantik sebagai permanent staff. Kalau sedar, kenapa.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Petaling tidak benar, oleh kerana pensyarah-pensyarah yang memilih untuk menjadi pensyarah kontrak oleh kerana mereka tidak mahu mengikat freedom mereka, sebab mereka ini expert, apabila mendapat sesuatu jemputan dari organisasi lain yang boleh memberikan gaji yang lebih dan memberi peluang yang lebih istimewa mereka boleh menamatkan kontrak mereka. Pegawai-pegawai warganegara yang memilih secara kontrak untuk berkhidmat di universiti dan apabila mereka membuat permohonan untuk diberikan status sebagai permanent mereka akan membuat kajian dan kita juga hendak kaji kelayakan dan lain-lain kemampuan.

#### MAJUIKAN—PERUNTUKAN SARAWAK

**10. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah peruntukan yang diberi oleh Kementerian beliau kepada MAJUIKAN dalam tahun

1980, 1981 dan 1982 dan jumlah yang diuntukkan kepada Negeri Sarawak dalam masa yang sama.

**Dato' Chin Hon Ngian:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diluluskan untuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dalam tahun 1980 adalah sebanyak \$11,724,000 dan dalam tahun 1981 ialah sebanyak \$33,273,000. Daripada jumlah ini sebanyak \$2,170,000 telah dibelanjakan untuk Sarawak dalam tahun 1980 dan sebanyak 3,760,000 dalam tahun 1981.

### ROYALTI TAHUNAN \$10,000 KEPADA KEDAH

**11. Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membatalkan Artikel 167(7) Perlembagaan Negara. Oleh itu, royalti tahunan sebanyak \$10,000.00 yang dibayar oleh Pulau Pinang kepada Negeri Kedah dapat dihentikan dan memberi kebebasan sepenuhnya kepada Pulau Pinang. Jika tiada, nyatakan sebab.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang membatalkan Fasal (7) Perkara 167 Perlembagaan Persekutuan oleh kerana Kerajaan tidak ada cadangan untuk memansuhkan perjanjian yang telah dibuat sebelum Merdeka yang disebut dalam Fasal itu. Kerajaan juga tidak fikir pembayaran royalti tahunan sebanyak sepuluh ribu ringgit bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Negeri Kedah menjejaskan kedudukan Pulau Pinang.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah beliau sedar bahawa royalti tahunan sebanyak \$10,000 yang dibayar oleh Pulau Pinang kepada Kerajaan Negeri Kedah adalah nilai 100 tahun dahulu dan nilai ini pun tidak tersebut dalam Fasal (7) Perkara 167 Perlembagaan. Jadi, jika sedar apakah Kerajaan

Persekutuan berkuasa mengubah nilai ini kepada \$10 juta setahun bersesuaian dengan kemajuan tanah Pulau Pinang yang dipajakkan daripada Kedah.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, sejumlah wang \$10,000 itu adalah semata-mata sebagai formality sahaja. Kerajaan Negeri Kedah tidak bergantung pembangunannya kepada wang \$10,000 malah Kerajaan Persekutuan membiayai dengan banyaknya pembangunan-pembangunan bagi negeri Kedah.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Berapa lama lagi Kerajaan Persekutuan bercadang membayar royalti ini kepada negeri Kedah?

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Selama Fasal (7) Perkara 167 tidak dipinda dan dimansuhkan (*Ketawa*).

### RUMAH AWAM KOS RENDAH DI SABAH

**12. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana yang dirancang dibina di setiap bandar di Sabah, berapa jumlah wang yang diuntukkan setakat ini dan bila rumah-rumah dianggarkan siap dibina dan adakah peruntukan rumah-rumah tersebut akan tertakluk kepada pengaruh politik dan ada naungannya.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, di dalam Rancangan Malaysia Keempat sejumlah 4,798 unit rumah awam kos rendah telah dirancang untuk dibina di negeri Sabah yang mana 8 projek melibatkan 798 unit adalah projek sambungan dan 6 projek yang melibatkan 4,000 unit adalah projek baru. Berbanding dengan Rancangan Malaysia Ketiga terdapat pertambahan unit rumah

awam kos rendah sebanyak 126% di mana di dalam Rancangan Malaysia Ketiga hanya 2,160 unit sahaja dirancang dibina di dalam tempoh tersebut. Pada hujung bulan Disember, 1980, daripada jumlah sasaran 2,160 unit itu sebanyak 1,362 telahpun disiapkan. Projek-projek yang dirancang untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat ini ialah:

Kuala Penyu I  
 Beaufort II dan III  
 Ranau III  
 Kampung Layar-layar I  
 Kuala Papar III  
 Labuk Sekim I  
 Batu 3, Jalan Kuhara III  
 Labuk Sekim I dan Labuk Sekim II  
 Kampung Layar-layar II  
 Kampung Layar-layar III  
 Jalan Ranche-ranche  
 Batu 4, Jalan Utara  
 Kepadang Ridge  
 Bal Estet, Jalan Kuhara

Jumlah wang yang dicadangkan bagi negeri Sabah untuk rumah awam kos rendah di dalam Rancangan Malaysia Keempat setakat ini ialah \$34.1 juta. Kerajaan Negeri Sabah juga telah diperuntukkan sebanyak \$55,296,000 sebagai forward commitment. Ini adalah untuk membiayai semua unit rumah awam kos rendah yang dirancang di dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Daripada 4,798 unit rumah awam kos rendah, 260 unit telah siap dibina pada hujung bulan Jun, 1982. Sementara itu sejumlah 353 unit rumah awam kos rendah dijangka akan disiapkan pada akhir tahun 1982 ini, 1,039 unit pada tahun 1983, 1,618 unit pada tahun 1984 dan sebanyak 388 unit dijangkakan dapat disiapkan pada penghujung tahun 1985. Adalah dijangka sebanyak 70.8% dapat disiapkan diakhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Sementara yang selebihnya dijangkakan akan dapat disiapkan pada hujung tahun 1986.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah rumah kos sederhana yang dirancang dibina oleh Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Sabah di dalam

Rancangan Malaysia Keempat ialah sebanyak 1,597 unit. Projek-projek tersebut adalah di bandar Kota Kinabalu, Tawau dan Papar.

Di samping itu pihak Majlis Perbandaran Tawau juga akan melaksanakan satu projek perumahan kos sederhana di Batu 5, Jalan Kuhara yang berjumlah 1,000 unit. Selain dari itu sebanyak 3,416 unit daripada projek-projek pemaju swasta, dijangka akan disiapkan di akhir tahun 1984.

Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Sabah telah mendapat peruntukan pinjaman dari Kerajaan Negeri dan Bank-bank tempatan untuk membina rumah kos sederhana. Peruntukan tersebut berjumlah \$87,180,000 kesemuanya untuk tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Untuk rumah-rumah kos sederhana ini juga pihak Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Sabah menganggarkan sebanyak 88 unit dapat disiapkan di antara tahun 1982 hingga 1984 dan 542 unit di jangka dapat disiapkan pada penghujung tahun 1985.

Pembangunan rumah-rumah awam kos rendah pula adalah berdasarkan kelayakan-kelayakan yang telahpun ditentukan oleh pihak Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Sabah dan pemilikannya adalah dibuat dengan menggunakan komputer.

**Tuan Yang di-Pertua,** Saya tidak benarkan soalan tambahan. Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1,3,5,6 dan 13 hingga 15 adalah diberi di bawah ini)*

## **TABUNG HAJI—KEPERLUAN KEPADA MAKANAN**

**1. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji ada menyediakan bahan keperluan kepada

Jemaah Haji tahun ini kerana mereka tidak dibenarkan membawa sebarang makanan ke Tanah Suci lebih-lebih lagi harga barang-barang terlalu tinggi di Saudi Arabia pada musim Haji.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Pihak Tabung Haji tidak ada menyediakan bahan-bahan makanan keperluan Jemaah Haji kepada Jemaah-jemaah Haji tahun ini oleh sebab-sebab berikut:

- 1.1 Pihak Arab Saudi mencegah kemasukan sebarang makanan ke Tanah Suci. Oleh itu sekiranya LUTH menyediakan barang makanan yang dibawa dari Malaysia, barang makanan ini tidak juga dibenarkan masuk. Ini terbukti daripada bungkusan makanan yang diberi dengan percuma kepada Jemaah Haji oleh sebuah Syarikat Bekalan Makanan di Malaysia. Bungkusan makanan ini telahpun dirampas oleh pihak Kastam Saudi apabila sahaja tiba di Jeddah.
- 1.2 Pada Tahun 1976 Lembaga Urusan dan Tabung Haji ada menyediakan keperluan makanan, tetapi sambutannya tidak menggalakkan.

Suka juga saya terangkan di sini bahawa walaupun pada musim Haji harga barang-barang terlalu tinggi di Saudi Arabia, tetapi ini telahpun diambil kira oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji sewaktu menentukan wang naik haji, iaitu wang yang perlu disediakan oleh bakal-bakal Haji Malaysia.

### **JETI TERUS KE LAUT—PEMBINAAN**

**3. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan kepada bahaya ombak besar terhadap kaum nelayan semasa musim tengkujuh sama ada Kementerian ini bercadang untuk mengambil langkah-langkah sesuai untuk menghadapi bahaya ini seperti membina sebuah jeti terus ke laut di mana kaum nelayan boleh menambatkan sampan-sampan mereka ke tiang-tiang jeti itu sambil menjala ikan.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Jeti dibina di pengkalan-pengkalan tertentu untuk punggah-memunggah ikan. Cadangan Yang Berhormat ini tidak praktikal.

### **KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH—PELAKSANAAN**

**5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah persediaan-persediaan yang telah dilakukan oleh Kerajaan dalam menuju pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) sepenuhnya dalam tahun 1983 akan datang. Dan nyatakan apakah masalah-masalah yang timbul dalam peringkat pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran KBSR di sekolah setakat ini.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Sebelum Kurikulum Baru Sekolah Rendah dilaksanakan untuk murid-murid Tahun I semua sekolah pada tahun 1983. Kementerian Pelajaran telah pun membuat persediaan-persediaan yang rapi seperti berikut:

- (i) menyediakan sukatan-sukatan pelajaran baru, buku-buku panduan dan buku-buku sumber bagi semua mata pelajaran yang diajarkan dalam KBSR.
- (ii) menjalankan pelaksanaan terhadap di 302 buah sekolah-sekolah rendah dalam tahun 1982 dengan menggunakan bahan-bahan dan kaedah-kaedah mengajar yang telah disediakan. Pelaksanaan terhadap ini dikesan oleh pegawai-pegawai khas dari Kementerian Pelajaran dan Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri bagi mencari kelemahan yang boleh diperbaiki sebelum pelaksanaan menyeluruh mulai tahun 1983.
- (iii) mewujudkan 48 jawatan baru di Jabatan Pelajaran Negeri bagi menyelaras dan merancang pelaksanaan KBSR diseluruh negara.

- (iv) memberi kursus pendedahan kepada guru-guru darjah, guru-guru besar, penolong-penolong kanan dan pegawai-pegawai Jabatan Pelajaran Negeri serta Kementerian Pelajaran yang terlibat dalam pelaksanaan terhad dan pelaksanaan penuh KBSR.
- (v) menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan KBSR di peringkat Kementerian, Jawatankuasa-Jawatankuasa KBSR di peringkat Negeri, Daerah dan juga sekolah bagi menyelaraskan dan mengawasi pelaksanaan KBSR.
- (vi) menaikkan nisbah guru-kelas kepada 1.5 untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah yang benar-benar memerlukannya iaitu yang ramai bilangan muridnya dalam kelas-kelas KBSR sekolah berkenaan.
- (vii) membekalkan buku-buku bacaan tambahan bagi memperkukuhkan kemahiran dan meninggikan minat murid membaca. Kementerian Pelajaran telah memilih 120 jodol untuk murid tahun Satu dalam semua bahasa penghantar. Untuk SK/SRK bilangan yang telah dipilih ialah 41 jodol. Untuk SRJK (C) sebanyak 44 jodol dan untuk SRJK (T) sebanyak 35 jodol. Buku-buku ini akan diedarkan di sekolah-sekolah melalui Skim Pinjaman Buku Teks.
- (viii) menjadikan Jabatan-Jabatan Pelajaran Daerah sebagai pusat pengawalan program-program pelajaran termasuk pelaksanaan KBSR.

Sepanjang pelaksanaan terhad KBSR di 302 buah sekolah ini Kementerian memang telah dapat mengesan beberapa masalah sama ada berkaitan dengan pentadbiran atau pengajaran dan pembelajaran. Di antaranya ialah masalah kesesakan bilik darjah bagi setengah-setengah sekolah, keaburan setengah-setengah guru memahami konsep-konsep tertentu mengenai KBSR, cara-cara menjalankan kaedah-kaedah pengajaran yang tertentu, dan masalah beban guru menyediakan bahan-bahan pengajaran dan

pembelajaran. Langkah-langkah yang tersebut di atas adalah untuk mengatasi masalah-masalah ini.

## BENIH KELAPA MAWAR/GAJUS BAGI SARAWAK

**6. Dato' Alfred Jabu anak Numpang** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian beliau akan menyediakan lebih banyak lagi jumlah bahan-bahan tanaman kepada Negeri Sarawak untuk meningkatkan hasil bagi setiap ekar, seperti anak benih Kelapa Mawar, gajus dan jenis-jenis tanaman yang boleh mengeluarkan hasil yang tinggi.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Buat masa ini, Jabatan Pertanian Sarawak telah pun menyediakan benih-benih bermutu tinggi seperti padi, jagung, sayur-sayuran bagi meningkatkan hasil bagi setiap ekar.

Benih-benih Kelapa MAWAR dan gajus juga akan diberikan jika kajian sosio-ekonomi menunjukkan tanaman-tanaman itu viable. Bagaimanapun Jabatan Pertanian akan menyediakan lebih banyak lagi jumlah bahan-bahan tanaman yang sedia ada.

## JALANRAYA KUCHING-SIBU

**13. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bila jalanraya Kuching-Sibu sepanjang 287 kilometer dapat ditarkan sepanjang jalanraya itu, kerana selama 15 tahun itu, masih ada 130 kilometer panjangnya belum ditarkan.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman):** Jawapan kepada soalan ini telahpun saya berikan pada 10 November, 1982 semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Behormat dari Serian.

## BUMIPUTERA/BUKAN BUMIPUTERA DALAM PEPERIKSAAN SPM

**14. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan calon SPM Melayu, China, India dan lain-lain bagi tahun

1979, 1980 dan 1981 yang gagal semata-mata berpunca dari kegagalan Kertas Bahasa Malaysia sahaja, serta memberi peratus kegagalan ini berhubung dengan jumlah besar golongan masing-masing.

**Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Pertama, adalah dijelaskan bahawa Kementerian Pelajaran tidak mengumpul perangkaan mengikut kaum. Walaupun demikian Kementerian saya dapat

memberi perangkaan perbandingan antara kumpulan bumiputera dengan bukan bumiputera untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat.

Bilangan calon bumiputera serta bukan bumiputera yang gagal dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) semata-mata disebabkan gagal Bahasa Malaysia dan peratus kegagalan itu berhubung dengan jumlah besar golongan masing-masing ialah:

(Sila lihat lampiran).

Perbandingan Calon Bumiputera dengan Bukan Bumiputera yang Gagal Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) semata-mata Berpunca dari Kegagalan Kertas Bahasa Malaysia Sahaja

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Calon Yang Gagal S.P.M. Disebabkan Gagal Bahasa Malaysia</i>	<i>Bumiputera</i>			<i>Bukan Bumiputera</i>		
		<i>Bilangan Gagal SPM Kerana Gagal Bahasa Malaysia</i>	<i>Bilangan Calon Mengambil SPM</i>	<i>Peratus Keseluruhan Yang Gagal SPM Kerana Gagal Bahasa Malaysia</i>	<i>Bilangan Gagal SPM Kerana Gagal Bahasa Malaysia</i>	<i>Bilangan Calon Mengambil SPM</i>	<i>Peratus Keseluruhan Yang Gagal SPM Kerana Gagal Bahasa Malaysia</i>
1979	1,086	774	51,588	1.5%	312	3,169	9.8%
1980	5,773	1,463	74,416	2.0%	4,310	36,078	11.9%
1981	5,628	865	80,331	1.1%	4,763	41,674	11.4%

**NOTA:**

Dalam tahun 1979 hanya calon dari sekolah aliran Melayu sahaja yang mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Calon dari sekolah aliran Inggeris mengambil MCE dalam perantaraan Inggeris. Mulai tahun 1980 MCE dihapuskan (melainkan di Sarawak) dan semua calon mengambil hanya peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

**TARIAN SINGA/RIBBON DANCE**

**15. Tuan Chan Kok Kit** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa dalam perayaan jubli Merdeka baru-baru ini, tarian-tarian Cina seperti tarian singa dan 'ribbon dance' tidak dibenarkan walaupun pasukan-pasukan tarian-tarian berkenaan telahpun berlatih dan bersiap sedia untuk mengambil

bahagian dalam parade yang diadakan pada pagi 31hb Ogos, 1982; apakah tindakan yang akan diambil untuk mengelak dari berlakunya perkara semacam ini pada masa akan datang dan sama ada Kerajaan mengiktiraf kebudayaan Cina dan India sebagai sebahagian daripada Kebudayaan Nasional.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Pada perayaan Hari Kebangsaan 31hb Ogos, 1982 semua jenis tarian yang berunsur Melayu, Cina dan India telah tidak diadakan. Mengenai masalah pengiktirafan kebudayaan Cina dan India sebagai sebahagian daripada kebudayaan kebangsaan tidak ada kaitannya dengan perarakan ini.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG GALAKAN PELABURAN (PINDAAN) (NO. 1)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Galakan Pelaburan 1968; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

DAN  
USUL

### ANGGARAN PEMBAHAGIAN, 1983

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 dan Anggaran Pembangunan 1983 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Keempat)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk membahaskan peruntukan-peruntukan yang ditetapkan di

dalam Peraturan Mesyuarat ialah 16 hari sahaja dan 3 hari telahpun digunakan. Ada 13 hari lagi termasuk hari ini. Di dalam masa ini, kita akan meluluskan peruntukan-peruntukan untuk 21 Kementerian-kementerian lain. Seperti yang saya putuskan kelmarin. Ahli-ahli dari hari ini hingga Jawatankuasa ini selesai diharap akan berucap selebih-lebihnya 15 minit untuk membolehkan ramai Ahli-ahli mengambil bahagian. Yang Berhormat Menteri-menteri diharap akan berucap 30 minit selebih-lebihnya untuk menjawab. Saya membuat keputusan ini di bawah Peraturan Mesyuarat 35(8). Pada minggu hadapan barangkali kita terpaksa memanjangkan masa mesyuarat supaya jangan kita terdesak pada tiga atau empat hari akhir masa yang diuntukkan. Saya berharap kita dapat menjalankan mesyuarat ini dalam keadaan yang tenang seperti yang sepatutnya.

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order, Tuan Pengerusi. Bolehkah saya ambil perhatian kepada Peraturan 66(6)(a):

"Tuan Yang di-Pertua, boleh menguntukkan masa sehabis-habis lama yang boleh dibenarkan bagi tiap-tiap jadual dalam Rang Undang-undang itu, fasal-fasal dalam Rang Undang-undang itu dan bagi apa-apa Kepala dalam Anggaran Pembangunan. Jika telah habis masa yang diuntukkan bagi apa-apa jadual, fasal atau kepala sebelum tamat perbincangan atas jadual, fasal atau kepala itu, maka Pengerusi akan mengemukakan dengan serتامerta apa-apa masalah yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan atas jadual, fasal atau kepala itu."

Untuk melicinkan perjalanan perbahasan dalam peringkat committee, bolehkah saya meminta bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini diberitahu mengenai jadual-jadual yang ada ditetapkan sebagai satu panduan, bolehkah ada Kementerian-kementerian di mana lebih Ahli yang mahu bercakap, ada Kementerian tidak begitu ramai orang akan bercakap supaya boleh jadi satu panduan dan tadi Yang Berhormat Tuan

Yang di-Pertua, ada buat satu ruling, semalam saya ada dengar tidak ada ruling itu dan sebenarnya saya sudah pun kemukakan kepada Setiausaha satu usul substantive untuk review keputusan semalam yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua, bahawa ada ruling itu oleh kerana saya pun ada semak Hansard dan pandangan-pandangan saya ialah saya akan kemukakan dalam usul substantive pada hari Selasa mengenai penetapan masa yang terhad, 15 minit setiap Ahli tetapi saya harap bahawa kita boleh dapat satu jadual yang diperuntukkan dalam Peraturan 66(6) (a) supaya boleh jadi satu panduan mengenai perbincangan satu Kementerian demi satu Kementerian.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya akan membuatkan jadual dan akan diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari Selasa depan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima Kasih.

*Maksud B. 18 (Jadual)—*

*Maksud P. 18 (Anggaran Pembangunan, 1983)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala B.18 dan P.18 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahas.

4.13 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada mukasurat 135, Butiran 1100, Program (1) Pentadbiran Am.

Berhubung perkara pentadbiran, izinkan saya merujuk kepada Deraf Plan Struktur Kuala Lumpur yang telah disediakan oleh Kerajaan berdasarkan peruntukan di dalam Akta Wilayah Persekutuan, 1982. Deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur ialah satu isu penting yang hangat dibincangkan sekarang baik oleh pihak awam ataupun oleh pihak swasta. Kepentingan plan ini terletak pada hakikat bahawa ianya akan membantu menentukan pertumbuhan Kuala Lumpur pada masa hadapan dan bagaimanapun kepentingan-kepentingan rakyat yang akan menerima kesan daripadanya. Walaupun

saya menghargai hakikat bahawa Kerajaan bersetuju penyertaan orang ramai dalam merangka Pelan Induk Kuala Lumpur dengan membenarkan bantahan-bantahan dibuat tetapi saya suka menegaskan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan betapa pentingnya pertimbangan yang adil dan tidak berbelah bagi diberikan kepada semua bantahan dan ulasan yang dikemukakan berhubung dengan Deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur.

Saya menggesa Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya tidak sahaja memberi pertimbangan yang adil dan tidak memihak kepada pandangan yang dikemukakan tetapi juga bersedia mengubah atau meminda pelan berdasarkan cadangan-cadangan membina yang akan dikemukakan oleh pihak awam dan badan-badan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, apa yang mendukacitakan saya dan penduduk-penduduk Kuala Lumpur ialah tuduhan yang dibuat baru-baru ini oleh setengah pemimpin dalam Kerajaan yang menginterpretasikan pekikan-pekikan setengah pihak atau golongan terhadap Deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur sebagai percubaan mencari isu politik untuk mengkritik Kerajaan demi mencapai matlamat dan kepentingan politik mereka. Di sini saya mesti membantah dengan keras tuduhan-tuduhan yang tidak berasas ini.

Izinkan saya menegaskan di sini bahawa bukanlah menjadi tujuan atau maksud sesiapa yang melahirkan kritikan terhadap pelan itu untuk mendapatkan modal politik, sebaliknya kritikan-kritikan mereka sebenarnya dibuat ke arah memperbaiki dan memperkemas Deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur untuk kesejahteraan masa hadapan dan sebagai penduduk Kuala Lumpur adalah menjadi hak mereka dari segi perlembagaan melahirkan apa juga pandangan di atas apa juga aspek dalam pelan yang mereka rasa tidak dirumuskan dengan adilnya.

Sebenarnya tujuan membenarkan bantahan dibuat kepada Deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur sebagaimana diperuntukkan dalam fasal 7 Akta Wilayah Persekutuan

(Perancangan) 1982 bagi maksud mendengar pandangan-pandangan dari semua pihak atau golongan yang berminat melahirkan pandangan mereka berhubung bagaimana rancangan pelan tersebut boleh diperbaiki untuk memberi faedah kepada penduduk Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang membahaskan Deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur di sini oleh kerana saya telahpun berbuat demikian dalam satu forum yang lain akan tetapi apa yang saya suka meminta di sini ialah satu jaminan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa semua bantahan kepada Deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur akan diberikan pertimbangan yang adil dan tidak berbelah bagi di mana-mana dan apa juga cadangan membina yang diberikan hendaklah diambil dan diterima apakah pelan itu dipinda. Menteri hendaklah menolak mana-mana bahagian pelan itu yang didapati bertentangan dengan kepentingan awam iaitu yang tidak memberi apa-apa kebaikan kepada rakyat dan kesejahteraan hidup dalam masyarakat berbagai kaum di Kuala Lumpur.

Akhirnya Pelan Induk Kuala Lumpur yang akan dirumuskan mestilah mengenai rakyat oleh rakyat dan untuk rakyat.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada muka surat 142 di bawah Kepala P.18 tentang perumahan awam.

Mengenai perumahan awam, saya ingin membuat gesaan kepada Kerajaan supaya memberi peratusan peruntukan yang lebih besar kepada bukan bumiputera terutamanya peruntukan rumah kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah. Keputusan daripada cabutan undi yang dijalankan pada bulan Julai, 1982 untuk rumah-rumah kos rendah dalam Kuala Lumpur adalah menunjukkan bahawa daripada 1,050 unit yang diperuntukkan 650 unit ialah untuk orang Melayu, 300 unit untuk orang Cina, dan 100 unit untuk orang India. Peratus peruntukan merupakan iaitu 61.9% untuk orang Melayu, 28.57% untuk orang Cina sementara untuk orang India ialah 9.53% sahaja.

Saya rasa dasar peruntukan Kerajaan tidak mencerminkan komposisi kaum yang tinggal dalam Kuala Lumpur serta juga yang menjadi kumpulan yang terbesar yang memohon rumah pangsa yang secara kebetulan ialah bukan bumiputera.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara perumahan, izinkan saya menyentuh tentang masalah kerosakan lif yang kerap berlaku kerosakan saluran sampah, bal-bal lampu letrik yang tidak lagi berfungsi di rumah-rumah pangsa dan lain-lain.

Saya ingin menyeru betapa perlunya pengurusan perumahan kos rendah yang lebih cekap dalam bandaraya supaya masalah-masalah seperti kerosakan lif boleh diatasi. Semua lif yang sudah lama hendaklah ditukarkan dengan yang baru demi keselamatan orang ramai. Atenden lif hendaklah diambil bertugas untuk semua lif dan hanya syarikat pembekal lif yang boleh dipercayai sahaja dilantik untuk memasang dan menyelenggara lif-lif.

Sekarang saya suka merujuk kepada Butiran 2 Pengawal Penempatan Setinggal-setinggal.

Berhubung dengan perkara kawalan setinggal, izinkan saya sekali lagi mengingatkan Kerajaan betapa perlunya diamalkan satu pendekatan yang benar-benar berperikemanusiaan kepada masalah setinggal.

Saya sukacita menyatakan di sini bahawa deraf pelan struktur Kuala Lumpur ada mencadangkan bahawa pihak berkuasa hendaklah menyediakan perumahan menurut lunas-lunas undang-undang kepada semua setinggal, sama ada matlamat ini boleh dicapai atau tidak akan bergantung di atas bagaimana cepatnya kita mendirikan lebih banyak rumah pangsa dan rumah-rumah kos rendah. Bagaimanapun buat sementara ini iaitu sebelum matlamat ini dapat dicapai saya merayu Kerajaan supaya bertolak-ansur dan menghentikan apa jua tindakan yang keras terhadap mereka yang terpaksa membuat setinggal kerana keadaan.

Berhubung rumah-rumah setinggalan lama yang sudah buruk yang berada di dalam keadaan yang teruk dan terdedah kepada bahaya, kepada nyawa manusia jika kerja memperbaiki tidak dilakukan dengan segera, saya menyeru Kementerian berkenaan supaya membenarkan semua permohonan-permohonan untuk memperbaiki rumah setinggalan dan memberikan kelulusan dengan lebih awal dalam tempoh dua minggu jika mungkin kepada mana-mana pemohonan yang tulin.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara perumahan dan setinggalan saya ingin mencadangkan Kementerian atau Dewan Bandaraya supaya mengenalpasti tapak-tapak yang sesuai dalam wilayah Persekutuan yang boleh ditukarkan menjadi satu pusat bantuan yang tetap yang dilengkapi dengan bangunan-bangunan rumah panjang sementara untuk memberi perlindungan sementara kepada mangsa-mangsa kebakaran ataupun mangsa-mangsa banjir. Sebaik sahaja tapak dikenalpasti rumah-rumah sementara bolehlah didirikan sebagai penempatan sementara untuk mangsa-mangsa kebakaran sehinggalah satu masa apabila mangsa-mangsa ini boleh dipindahkan ke dalam rumah pangsa ataupun rumah kos rendah. cadangan ini hendaklah ditimbang, memandangkan bahawa terdapat banyak kejadian kebakaran dalam Kuala Lumpur yang mana Dewan Bandaraya menghadapi kesukaran mencari tempat penginapan untuk mangsa-mangsa yang berkenaan. Sebagai satu contoh mangsa kebakaran Kampung Doraisamy yang berlaku pada bulan Julai tahun ini dan juga Kampung Kerinchi yang kehilangan rumah mereka akibat kebakaran yang berlaku pada bulan September ini adalah masih menunggu tempat tinggal baru. Jika terdapat sebuah pusat bantuan yang tetap, tempat tinggal serta-merta mereka boleh diatasi sementara menantikan rumah pangsa yang akan diperuntukkan kemudian.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara pentadbiran di dalam Kementerian yang berkenaan, saya suka menggesa Kerajaan supaya menyemak semula Undang-undang

Kecil Wilayah Persekutuan, 1979 dengan tujuan untuk melonggarkan beberapa peruntukan yang keras untuk memudahkan penjaja-penjaja yang tidak mempunyai lesen terutamanya penjaja-penjaja bergerak untuk mendapatkan lesen. Sejak undang-undang kecil ini dikuatkuasakan, penjaja-penjaja dalam Bandaraya menghadapi berbagai masalah seperti meletakkan apa juga alat-alat perniagaan seperti gerai, kenderaan begitu juga barang-barang jualan atau yang dimaksudkan untuk pameran, lebih-lebih lagi barang-barang ini boleh ditahan dan disimpan sehingga 3 bulan daripada tarikh barang-barang itu dirampas. Undang-undang kecil ini juga memperuntukkan bahawa gerai-gerai selain daripada gerai yang dibina oleh Dewan Bandaraya atau apa juga Jabatan atau Badan Berkanun tidak boleh melebihi 18 decimeter panjang dan 9 decimeter lebar melainkan mendapat pengecualian daripada Datuk Bandar secara bertulis. Undang-undang kecil ini juga menyatakan bahawa Datuk Bandar boleh dengan budibicaranya menolak pemberian atau pembaharuan apa juga lesen tanpa menyatakan apa-apa sebab.

Saya menyeru Yang Berhormat Menteri supaya mengambil perhatian di atas peruntukan-peruntukan yang keras ini dan mengadakan satu semakan semula ke atas undang-undang kecil tentang penjaja itu dilakukan supaya ianya menjadi lebih mudah dan flexible dalam mengendali masalah-masalah penjaja dalam Bandaraya.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang saya ingin bangkit ialah berkenaan dengan Butiran 21 dan ini ialah berkenaan dengan perparitan. Saya lihat bahawa dalam Buku Anggaran ini sejumlah \$422,000 lebih akan diperuntukkan pada tahun 1983 bagi tujuan untuk membantu Jabatan Parit dan Taliair untuk mengambil langkah yang sesuai bagi tujuan mengatasi masalah banjir. Saya rasa bahawa jumlah ini adalah amat kurang memandangkan bahawa banjir ialah satu masalah yang teruk yang sentiasa berlaku dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Saya berasa sekiranya peruntukan ini dapat ditambah, maka pihak Jabatan Parit dan Taliair boleh menjalankan kerja penyegeraan

misalnya 6 bulan sekali bagi tujuan untuk memperdalam dan melebarkan sungai-sungai yang sentiasa menimbulkan masalah banjir.

Berkenaan dengan Butiran 26 iaitu berkenaan dengan kompleks perniagaan dan pasar, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Yang Berhormat Menteri tentang kompleks Munsyi Abdullah iaitu satu kompleks perniagaan di dalam pusat bandaraya.

Saya suka memaklumkan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa baru-baru ini ada ramai penjaja gerai-gerai telah menyampaikan aduan mereka tentang rekabentuk kompleks Munsyi Abdullah yang tidak sesuai dan akibat ini misalnya di paras 4 kompleks itu oleh kerana mereka kekurangan dalam rekabentuk maka banyak masalah-masalah telah timbul dan ini telah dikatakan menjejaskan perniagaan gerai-gerai di paras 4, kompleks Munsyi Abdullah.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan bahawa pihak berkuasa yang berkenaan itu hendaklah mengadakan satu kajian tentang kompleks itu dan di mana boleh langkah-langkah yang sesuai dapat diambil untuk meminda bahagian yang tidak sesuai supaya penjaja-penjaja di kompleks itu boleh mendapatkan ruang yang lebih banyak bagi tujuan untuk menjalankan perniagaan mereka.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja yang saya ingin bangkitkan.

4.28 ptg.

**Tuan Chan Kok Kit (Sungei Besi):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B. 18, muka surat 135 Butiran Kod 1100-Gaji dan Upahan, Program (1)-Pentadbiran Am(a) Pentadbiran dan Kewangan.

Pelan Induk Kuala Lumpur yang baru diumumkan telah menimbulkan berbagai-bagai reaksi dari rakyat. Pelan tersebut adalah terlalu umum dan meninggalkan berbagai "omissions" yang akan memberikan para pentadbir kebebasan untuk membuat keputusan-keputusan yang arbitrari. Juga, pelan tersebut memberi perhatian pada keseluruhannya kepada satu kaum sahaja.

Tidak ada tempat untuk politik dalam pembangunan. Pembangunan harus dinikmati oleh setiap rakyat tanpa mengira kaum. Keutamaan-keutamaan yang digariskan dalam pelan tersebut hendaklah diikuti satu demi satu dan bukan diterbalikkan.

Salah satu kelemahan Pelan Induk tersebut ialah ia telah disiapkan dalam tahun 1978 tetapi hanya diumumkan tahun ini iaitu hampir 5 tahun kemudian. Pelan tersebut memberi tumpuan khas kepada 3 kawasan sahaja yang semuanya adalah kawasan orang-orang bumiputera sedangkan kawasan-kawasan yang lain seperti Chan Sow Lin, Sungai Besi, Kepong, Jinjang, Jalan Kelang Lama dan sebagainya tidak akan menerima apa-apa faedah yang besar dari Pelan Induk Kuala Lumpur. Sebenarnya, apabila pelan ini selesai dilaksanakan dalam tahun 2,000, kawasan-kawasan yang disebutkan tadi akan menjadi kawasan-kawasan yang termundur sekali di Kuala Lumpur.

Adalah tidak adil sama sekali kerana setiap kawasan, setiap rakyat berhak menikmati hak pembangunan dan mentality apa yang dicapai oleh sesuatu kaum hendaklah 'at the expense' kaum-kaum lain harus disingkirkan dari pemikiran.

Soal yang timbul ialah apakah Pelan Induk Kuala Lumpur itu dirangka dengan pertimbangan-pertimbangan politik akibat tekanan-tekanan yang dikenakan oleh UMNO. Apakah pelan tersebut sejajar dengan matlamat kedua Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan menyusun semula masyarakat dan hapuskan identifikasi kaum dengan kerja, lokalti, fungsi, dan sebagainya. Pelan induk tersebut adalah berat sebelah dengan memberi pertimbangan kepada kemajuan dan pembangunan sesebuah kaum sahaja dengan tidak mengambil kira kepentingan kaum-kaum dan kawasan-kawasan lain. Pelan tersebut akan melahirkan ketidak-seimbangan baru, mewujudkan ketidak-adilan baru dan tidak akan membawa pembangunan yang 'all-round'.

Tuan Pengerusi, pelan tersebut juga tidak memberi perhatian penuh terhadap pembinaan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China di Kuala Lumpur. Adalah dianggarkan bahawa bilangan murid-murid sekolah-sekolah tersebut dijangka meningkat dari 48,357 kepada 93,148 menjelang tahun 2,000. Tetapi, pembinaan sekolah-sekolah baru rendah China itu tidak ditingkatkan untuk menampung keperluan itu. Sebenarnya untuk menampung tambahan ini sekurang-kurangnya 61 buah sekolah baru patut dibina tetapi apakah para perancang pelan induk itu telah menimbang dan mengambil kira hakikat ini.

Saya berharap perkara-perkara ini dan juga lain-lain perkara akan diberi perhatian dan pelan induk tersebut dirangka semula untuk menghapuskan 'omissions' atau ketinggalan yang sedia ada, dan apa yang diperlukan ialah sebuah pelan induk yang dapat diterima dan akan memberi manfaat dari segi pembangunan kepada setiap rakyat tanpa mengira kaum di Wilayah Persekutuan.

Saya ingin sentuh P. 18, Perumahan Awam Wilayah Persekutuan. Adalah dianggarkan bahawa sebanyak 28,867 unit rumah-rumah pangsa akan dibina di antara tahun 1982 hingga 1986. Ini adalah tidak mencukupi kerana permintaan mengatasi pembekalan, lebih-lebih lagi memandangkan terdapat setinggan-setinggan yang berjumlah sebanyak 250,000, iaitu satu per empat jumlah bilangan penduduk Bandaraya Kuala Lumpur.

Saya syorkan supaya satu rancangan perumahan kos rendah raksaksa dilancarkan di Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah kekurangan perumahan untuk memastikan wujudnya sebuah 'house-owning democracy'.

Di sini saya ingin sentuh sedikit tentang rancangan perumahan kos rendah yang dijalankan di Kampung Kongo, Cheras, di mana hampir-hampir semua rumah-rumah yang diperuntukkan kepada satu kaum sahaja, iaitu orang-orang bumiputera sahaja. Ini adalah satu tanda kurang sihat kerana adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk membilang-bangsakan masyarakat sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi

Baru untuk menghapuskan identifikasi kaum dengan lokalti, kerja dan kaum. Saya berharap pembedaan dapat dibuat berkait dengan perkara ini di kawasan perumahan Kampung Kongo.

Saya ingin sentuh P. 18, Butiran (Projek) 1, Perumahan Awam Wilayah Persekutuan. Adakah menjadi dasar Dewan Bandaraya untuk menyediakan rumah-rumah pangsa kepada mangsa-mangsa bencana. Di sini ingin saya bangkitkan perkara kebakaran yang berlaku di Jalan Doraisamy pada 27hb Julai tahun ini di mana 127 keluarga kehilangan rumah. Sampai hari ini, mereka ini, saya difahamkan belum diberi rumah-rumah pangsa dan saya berharap Dewan Bandaraya akan siasat perkara ini serta mengambil tindakan untuk memperuntukkan mangsa-mangsa kebakaran itu dengan rumah-rumah pangsa.

Juga, saya berharap orang-orang yang tinggal di kawasan-kawasan yang rendah yang sering dilanda banjir seperti di kawasan Perlimen Sungai Besi dapat juga diberi pertimbangan untuk diperuntukkan dengan rumah-rumah pangsa.

P. 18, mukasurat 142, Butiran (projek) 7, Pembangunan Infrastruktur. Saya juga syorkan supaya bekalan elektrik dan air diberi kepada semua kawasan-kawasan setinggan yang terdapat di Kuala Lumpur. Juga kemudahan-kemudahan kesihatan yang cukup hendaklah diberi kepada setinggan-setinggan tersebut.

Dalam soal ini, saya juga ingin sentuh tentang masalah yang dihadapi oleh setinggan-setinggan yang ingin membaiki rumah mereka. Mereka ini harus mendapat kebenaran dari Dewan Bandaraya terlebih dahulu tetapi saya diberitahu kebenaran biasanya diberi begitu lambat sekali. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil nota tentang ini dan perbaiki keadaan tersebut.

P. 18, mukasurat 143, Butiran (Projek) 12, Depoh dan Bengkel. Saya juga syorkan supaya Kerajaan memberi tanah kepada pengusaha-pengusaha kecil yang ingin

mendirikan kilang untuk perusahaan mereka, dan juga melesenkan mereka ini. Saya juga berharap Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk membina kilang-kilang dan menyewakannya kepada pengusaha-pengusaha kecil di Singapura umpamanya, pihak di situ membina flet-flet dan menyewakannya kepada pengusaha-pengusaha kecil. Saya berharap ini dapat dibuat di situ.

B. 18, Butiran (Kod) 1100, Gaji dan Upahan, Program 1-Pentadbiran Am. Kini Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Bandaraya adalah dilantik dan bukan dipilih. Mereka tidaklah bertanggungjawab secara langsung kepada rakyat dan saya berharap Kerajaan dapat menimbang untuk mengadakan pilihanraya City Council untuk Bandaraya Kuala Lumpur yang akan bertanggungjawab secara langsung kepada rakyat sejajar dengan demokrasi di peringkat akar-umbi.

P. 18, Butiran 20—Jalan-jalan dan jambatan-jambatan. Satu perkara lain yang ingin saya sentuh ialah pembinaan sebuah jejantas di hadapan Taman Midah, Cheras. Pada masa sekarang, penduduk-penduduk Taman Midah yang ingin menyeberangi jalan Cheras menghadapi kesulitan untuk melintas jalan tersebut kerana terlalu banyak Lalulintas dan saya diberitahu kadangkala seorang yang ingin melintas jalan tersebut mengambil masa hampir 30 minit untuk berbuat demikian. Dan keadaan ini sama juga di hadapan Syarikat Malayan Tobacco Company di Jalan Sungai Besi. Seringkali kemalangan berlaku di kedua-dua tempat ini dan saya mengesyorkan supaya jejantas-jejantas dibina di tempat-tempat yang saya nyatakan tadi.

Maksud P. 18, Butiran 21—Perparitan.

Setiap hari hujan turun Kuala Lumpur menghadapi banjir. Sejak beberapa hari Bandaraya sering dilanda banjir yang bukan menyebabkan kehilangan nyawa dan harta-benda tetapi juga kesesakan lalu-lintas. Kebanjiran berlaku kerana 'outlet-outlet' yang sedia ada selalu tersumbat seperti parit-parit dan juga sungai-sungai. Saya tahu pihak

Dewan Bandaraya menjalankan kerja 'de-silting' di Sungai Kerayong seperti dibuat di Jalan Yap Kwan Seng dan sebagainya tetapi 'de-silting' ini tidaklah dijalankan secara 'regular'.

Saya syorkan supaya pasukan khas ditubuhkan untuk memeriksa parit-parit setiap hari dan juga 'de-silting' sungai-sungai dibuat secara regular. Sekian, terima kasih.

4.41 ptg.

**Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B. 18, Butiran 1100, Program (1) Pentadbiran Am, Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, menurut pandangan saya apa yang diharap-harapkan oleh Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew untuk masyarakatnya masih jauh dari pencapaian, sebaliknya dalam perkara kekeluargaan tiga generasi di bawah satu bumbung, Malaysia telah mengamalkan sistem kekeluargaan ini di merata kampung baru termasuk Kampung Baru Jinjang, Kampung Baru Salak South dan sebagainya sejak 30 tahun kebelakangan ini. Jadi jika Singapura hendak mencapai kejayaan dalam perkara ini nampaknya mereka terpaksa menentu dan menyalinkan unsur-unsur yang terdapat di kampung-kampung baru di merata Semenanjung Malaysia. Dengan mata kepala saya sendiri saya pernah menjumpai satu kekeluargaan empat generasi di bawah satu bumbung di Changkat Kruing, Negeri Perak.

Tuan Pengerusi, sistem kekeluargaan ini adalah teracam jika peraturan-peraturan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan, tahun 1974 atau Enakmen Lembaga Bandaran bagi peringkat negeri hendaklah dikuatkuasakan dengan ketat. Peraturan-peraturan tersebut mewajibkan setiap rumah kampung baru merizabkan 10' ruangan tanahnya di kawasan kiri dan kanan dan kawasan belakang masing-masing, dan tambahan pula 20' perkarangan hadapan rumahnya.

Biasanya luas tanah bagi satu tapak rumah di kampung baru berukuran 45'×90'; jika dilaksanakan peraturan-peraturan tersebut maka bermaknalah 2,550' persegi yang merupakan 62.9% luas tanahnya hendaklah dipotong untuk memenuhi peraturan-peraturan tersebut. Yang ketinggalannya hanya 25'×60' untuk kawasan bangunan (built-up area). Ternyata lah berasaskan perkiraan tersebut masalah perumahan bagi penghuni-penghuni kampung baru akan menjadi semakin rumit. Jadi peraturan-peraturan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 tidak sesuai dikuatkuasakan terhadap kawasan-kawasan kampung baru.

Kekhawatiran saya ini berpunca dari tindakan Majlis-majlis Daerah di merata tempat yang cuba melaksanakan peraturan-peraturan tersebut dalam kebelakangan ini. Akibatnya kegelisahan dan perasaan keciwa menimpa penghuni-penghuni yang memohon untuk membina semula rumah-rumah mereka. Masalah yang memeningkan kepala iaitu dengan bilangan penduduknya yang begitu besar kadang-kadang meningkat ke 20 orang dalam sebuah rumah, jadi ke manakah kelebihan penduduk ini akan pergi?

Pada hakikatnya pelaksanaan peraturan-peraturan ini hanya sesuai dikenakan terhadap skim-skim perumahan yang rekabentuk dan luas tanahnya khusus bagi dijadikan sebagai penempatan baru. Sebaliknya rekabentuk dan luas tanah kampung-kampung baru yang selalu sesak dan sempit tidak boleh banyak diubah lagi, akibatnya mencetuskan berbagai masalah sosial.

Masalah permulaannya ialah rekabentuk dan luas tanah di kampung-kampung baru di merata tempat tidak pernah dirancang secara terperinci dan teratur kerana penghuni-penghuninya ditempatkan secara kilat pada masa darurat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bercakap di bawah Kepala apa?

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Di bawah Butiran 1100(b) iaitu Perancangan dan Penyelidikan, muka surat 135.

Jadi ternyata lah pelaksanaan peraturan-peraturan.....

**Tuan Pengerusi:** Sekarang yang dibahaskan ialah bersangkutan dengan Kementerian Wilayah Persekutuan. Jangan terkeluar daripada situ.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Pengerusi, apa yang saya sebutkan ada kaitan dengan Kementerian Wilayah Persekutuan kerana Akta Jalan, Parit dan Bangunan, tahun 1974 adalah menjadi alat untuk mengawasi pembangunan di kawasan Wilayah Persekutuan termasuk kampung-kampung baru.

**Tuan Pengerusi:** Barangkali dia itu mengawasi, tetapi perbelanjaan perbekalan sekarang yang kita berbahas ialah bersangkutan dengan Wilayah Persekutuan. Saya minta pendekkan sedikit.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Boleh. Jadi ternyata lah pelaksanaan peraturan-peraturan tersebut adalah sesuai pada kampung-kampung baru yang terletak di bawah Wilayah Persekutuan.

Bagi mengatasi masalah ini Kementerian Wilayah Persekutuan haruslah menarik perhatian Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan tentang kesukaran yang dihadapi oleh penghuni-penghuni kampung baru dengan tujuan mengecualikan peraturan-peraturan tersebut terhadap kawasan-kawasan kampung baru bukan sahaja di bawah kawasan Wilayah Persekutuan tetapi juga di seluruh Semenanjung Malaysia. Sekian, terima kasih.

4.49 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Putih):** Tuan Pengerusi saya ingin bercakap mengenai Maksud B. 18, Butiran 1100, Pentadbiran Am, muka surat 135 dan juga bahagian pengurusan; (a) dan (c) Program (1).

Tuan Pengerusi, saya suka menyebut beberapa perkara di dalam Pengurusan Fizikal dan juga Pentadbiran Bandaraya yang

ada sekarang ini. Nampaknya kalau kita mengikut tuduhan yang diberi oleh Wakil dari Sungai Besi tadi seolah-olah apa yang berlaku di pihak Pentadbiran dan Pengurusan ini semuanya tidak adil dan begitu juga kalau kita mendengar tuduhan daripada pihak wakil dari Kuala Lumpur Bandar pun begitu juga. Jadi seolah-olah mereka itu hanya menimbulkan masalah-masalah yang ada di sini tetapi tidak pernah memberi cadangan bagaimana untuk menyelesaikan masalah yang ditimbulkan itu. Kalau sekiranya pentadbiran Bandaraya ini diberikan kepada mereka, nampaknya ada satu golongan yang akan tertindas di dalam kawasan bandaraya ini. Dengan itu pihak Bandaraya dari segi pentadbiran ini tidak akan bertolak ansur dengan apa yang dirancangan dan dengan apa yang dibuat dari segi pembahagian rumah-rumah ataupun dari segi pembahagian pentadbiran di Bandaraya.

Setakat ini sepatutnya pihak Bandaraya juga akan meminta ataupun akan memohon daripada Pembangkang apakah sumbangan Pembangkang atau sumbangan pihak wakil-wakil Pembangkang untuk pentadbiran Bandaraya yang lebih baik dan yang lebih adil yang tidak hanya dilaungkan di dalam Dewan ini sebagai mencari publisiti murah.

Tuan Pengerusi, saya suka bercakap dari segi Butiran Pembangunan 18 Butir 1-Perumahan Awam Wilayah Persekutuan. Perumahan awam ini sebagaimana yang saya sebutkan satu masa dahulu bahawa rumah-rumah pangsa yang didirikan di tengah-tengah bandaraya adalah akan mengotorkan bandaraya. Ini adalah disebabkan kemudahan-kemudahan yang ada di bangunan-bangunan flat yang tinggi itu atau rumah pangsa yang tinggi itu tidak mempunyai kemudahan yang boleh mereka itu gunakan untuk kesempurnaan di dalam rumah itu. Kalau keadaan tidak sempurna, patutlah rumah-rumah pangsa ini didirikan di pinggir-pinggir bandaraya, tidak di tengah-tengah bandaraya, kerana sebagaimana kita tahu negara kita ini negara yang berhawa panas, tidak semua rumah-rumah pangsa itu menggunakan bilik yang berhawa dingin dan juga kadang-kadang mereka itu terpaksa

mengguna atau membuat aktiviti-aktiviti, misalnya, menjemur kain, menjemur itu dan ini dengan menunjukkan galah ke luar bangunan seolah-olah itu bendera Malaysia yang ada di Wilayah. Ini disebabkan tiada kemudahan membasuh atau dryer yang dibuat di segi kelengkapan di rumah pangsa itu. Kalau kemudahan-kemudahan membasuh, tempat-tempat menjemur atau ada mesin dryer, oleh kerana negara kita sudah moden sekarang ini, kalau disediakan kelengkapan dryer atau alat mesin membasuh dengan lebih baik, saya rasa perkara itu akan dapat dikurangkan. Kalau hendak dihapuskan tabiat ini mungkin tidak dapat kerana sudah menjadi tabiat orang yang tinggal di rumah seperti itu. Itulah harapan kita supaya rumah-rumah pangsa ini akan dapat melahirkan satu pandangan yang baik misalnya di negeri berhawa sejuk memanglah begitu kerana pintunya ditutup, tiada ruang-ruang untuk mengulur kain-kain ataupun benda-benda yang boleh mengotorkan dan kadang-kadang membuang sampahpun tidak dapat. Keadaan ini adalah lebih baik. Dengan keadaan itu kelengkapan yang lebih baik ditujukan kepada mereka yang berkuasa atau yang melaksanakan rumah pangsa itu akan membuat kelengkapan yang lebih baik.

Saya suka menyentuh dari segi Butiran yang sama iaitu pembahagian rumah-rumah pangsa atau rumah-rumah di dalam Wilayah Persekutuan. Setakat ini pembahagiannya kalau kita dengar daripada ucapan wakil Pembangkang memang tidak adil, kalau boleh 100% hendak diberi kepadanya. Tetapi sebenarnya dengan keadaan yang ada sekarang untuk menyusun semula masyarakat sepatutnya rumah-rumah pangsa dalam bandar ini diberi 100% kepada bumiputera. Ini pada fikiran saya. Tetapi tentulah pihak Pembangkang kata tidak adil, kalau beri 100% kepada dia baru adil. Jadi dengan keadaan ini sudah tentulah ketidak-adilan itu akan berlaku. Dengan keadaan yang ada sekarang sebagaimana yang telah diamalkan bahawa sebarang pemaju perumahan yang membuat rumah sama ada kos rendah atau sederhana atau rumah-rumah biasa hanya diperuntukkan sebanyak 20% sahaja kepada bumiputera dan 20% ini

pun adalah susah untuk membelinya kadang-kadang kalau bumiputera itu pergi setakat pakai baju biasa, pergi tanya, jawabnya, rumahnya tidak ada. Tetapi kalau pergi dengan tie, dengan kot, tanya, mungkin kata ada sebuah lagi. Inilah sebagai satu contoh bahawa pembahagian rumah yang dibuat oleh pemaju perumahan ini ditetapkan 20% tetapi 20% itu tidak dipenuhi. Ini berlaku dan sengaja dibuat, katanya bumiputera tidak minta dan bumiputera tidak penuh quota. Ini 20%, dan pembahagian 20% itu sudah merupakan satu yang tidak adil, kalau dikatakan hendakkan keadilan. Sepatutnya; kalau hendaklah adil mesti 50% sekurang-kurangnya, beri sama banyak, berulah adil.

Walaupun Dasar Ekonomi Baru ini hendakkan 30% kepada bumiputera, 30% dalam ekuiti bumiputera, bukan mesti tiap-tiap pembahagian yang ada mesti 20% atau 30% kepada bumiputera. Ini adalah anggapan yang salah. Jadi minta supaya pembahagian rumah seperti ini dipertimbangkan untuk struktur masyarakat dan kita lihat sekarang ini di mana rancangan perumahan pun adalah amat kurang bumiputera yang tinggal di kawasan itu. Bagaimanakah penyusunan masyarakat ini akan berlaku di dalam Wilayah Persekutuan. Kalau rumah dibuat oleh pemaju perumahan boleh dikatakan 99% dimonopoli oleh satu kaum, tidak sampai 1% oleh satu kaum yang lain. Tetapi kalau tanah kawasan itu macam Kampung Melayu, Kampung Baru, rumah seperti sarang ayam itu dan tidak teratur dengan keadaan yang begitu, saya rasa tentulah ramai orang Melayu kerana tanah ini tidak diuntukkan kepada orang yang bukan bumiputera. Tetapi ini bukanlah merupakan hendak membangkit-bangkitkan satu perkara yang diluar daripada pengetahuan tetapi keadaan yang berlaku begitu. Oleh itu, bagi pihak Kementerian ini tidak akan bertolak ansur dalam pembahagian ini dan bahagian ini hendaklah diteliti dengan tepat. Kalau 20% diberi biarlah 20% ini benar-benar dapat kepada bumiputera dan sepatutnya bukan 20% tetapi naik lagi kepada angka yang lebih tinggi supaya rumah-rumah itu dapat mencapai penyusunan masyarakat yang dikehendaki itu dapat berlaku.

Kita dapati keadaan di rumah-rumah ini pula yang kita tahu bahawa bagi mereka yang berpendapatan rendah tidak dapat memiliki rumah di dalam kawasan bandaraya. Misalnya, satu rumah yang didirikan dengan harga \$50,000 tetapi dalam masa perjalanan penempahan sahaja, rumah itu sudah naik menjadi \$80,000; \$90,000 atau \$100,000. Itu kalau kos rumah yang harganya \$50,000. Kalau rumah berharga \$100,000 tentulah berlipat ganda. Inilah keadaan kenaikan rumah di Wilayah Persekutuan. Keadaan ini patut diawasi dan pembahagiannya hendaklah mengikut hasrat dan matlamat Kerajaan, tidak mengikut hasrat dan matlamat Pembangkang yang ditimbulkan dalam Dewan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kepong.

5.00 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, muka 135, B. 18, Butiran 1100, Program (1) dan muka 142, P. 18, Butiran 5.

Tuan Pengerusi, saya mempunyai banyak perkara yang kena-mengena dengan B. 18 walaupun Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan berminat untuk bercampur tangan dalam hal Tertib Mesyuarat, saya percaya bahawa beliau sengaja hendak menyekat masa supaya kami tidak sempat membentangkan masalah-masalah dalam Wilayah Persekutuan.

**Tuan Pengerusi:** Itu tidak bersangkut.

**Dr Tan Seng Giaw:** Sekiranya Tuan Pengerusi dapat memberi lebih masa lagi demi untuk kepentingan rakyat maka kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan.

(Timbalan Yang di-Pertua, *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tadi kitapun dengan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih menjelajah dari Pasir Putih ke Wilayah Persekutuan, dan bunyi-bunyian itu seperti ketitir hujung itu cantik dan sedap didengar.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Pengerusi, on a point of order.

**Tuan Pengerusi:** Point of order berapa?

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Dia tidak mengikut butir yang dicakapkan ini.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila sebutkan Tertib Mesyuarat.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Berleter, dia tidak bersetuju dengan butir-butir yang diberikan itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila sebut Kepala.

**Dr Tan Seng Giaw:** Muka 135, B. 18, Butiran 1100, Program (1) dan muka 142.....

**Tuan Pengerusi:** Satu-satu dulu, Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Mengenai Pelan Struktur Kuala Lumpur, saya tidak bincang dengan panjang lebar kerana Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telahpun menyampaikan pendapat-pendapatnya pada dua tiga minggu yang lepas. Tetapi walau bagaimanapun dari konsep, falsafah, strategi Pelan Struktur Kuala Lumpur semuanya merupakan pelan yang sempurna. Pelan tersebut mempunyai enam konsep, tujuh fungsi dan sepuluh matlamat. Di sini saya hanya menyebut konsep-konsep perancangan yang terdiri dari hairaki pusat-pusat bandar berbagai-bagai jenis dan peringkat kepadatan zon perumahan, penyusunan semula industri dan kawasan-kawasan kegiatan perindustrian. Kawasan lapang yang bertatar, bertingkat dan berjenis, suatu sistem pengangkutan yang efisien dan jaringan dan sistem pergerakan berjalan kaki yang menyeluruh. Akan tetapi sebahagian konsepnya adalah indah khabar dari rupa.

Pelan Struktur ini adalah suatu pelan yang tidak tetap (flexible). Kini pelan tempatan yang mengandungi pelaksanaan dasar dan

cadangan pelan struktur secara terperinci sedang disiapkan. Setelah pelan-pelan yang tetap ini siap sedia, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dapat juga mendengar dan menerima, pendapat pandangan dan teguran dari orang ramai termasuk sektor swasta.

Tuan Pengerusi, Wilayah Persekutuan telah dibahagikan kepada 20 zon (sub-areas) untuk kononnya panduan persiapan pelan-pelan tempatan dan juga untuk mengadakan suatu mekanisma bagi memandu dan menyelenggarakan pengagihan penduduk-penduduk dan pekerjaan serta penggunaan tanah. Dua puluh zon tersebut telah dipangkatkan kepada empat kategori, rank satu, dua dan tiga. Umpamanya:

Rank Satu-Pusat bandar;

Rank Dua-Pusat-pusat pertumbuhan: Hawthornden, Bukit Jalil, Pencala, Segambut;

Rank Tiga-Sentul, Bandar Tun Razak;

Rank Empat-Jinjang, Kepong, Setapak dan Datuk Keramat.

Apakah yang membimbangkan khalayak ramai ialah keempat-empat rank tersebut tidak diterangkan dan digariskan dengan jelas. Tiga soal pokok tidak pernah dijawab iaitu:

Pertama, apakah akan terjadi dengan kawasan-kawasan yang tidak dimasukkan dalam sistem rank tersebut.

Kedua, adakah sistem rank tersebut akan digunakan sebagai suatu asas untuk mengendalikan kepesatan pembangunan di kawasan-kawasan lain.

Ketiga, apakah sistem rank tersebut akan digunakan sebagai indeks bagi peruntukan wang Kerajaan.

Saya beri satu contoh, nampaknya kadar kepesatan pembangunan di Kajang adalah lebih lambat dari kadar yang terdapat di Bangi. Begitu juga dengan Petaling Jaya, kadarnya adalah berteraskan kepada kadar yang terdapat di Shah Alam. Amalan ini adalah tidak sah di sisi undang-undang dan juga merupakan tidak berperlembagaan. Adakah amalan ini akan timbul di dalam

sistem rank. Apakah peranan sektor swasta di dalam sistem rank tersebut. Oleh itu, saya menganjurkan supaya pihak Kementerian Wilayah Persekutuan mentakrif dan menentukan sistem rank tersebut dan seterusnya mengumumkan bagaimana agaknya sistem tersebut dapat dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, muka 143, P. 18, Butiran 20.

Dengan bilangan kenderaan yang semakin hari semakin bertambah banyak di Wilayah Persekutuan, kesesakan lalu-lintas sudah menjadi satu kebiasaan yang membazirkan tenaga minyak dan tenaga manusia. Kini terdapat tiga tempat yang paling sesak iaitu Bulatan Kepong, Bulatan Edinburgh dan Bulatan Pekeliling/Pahang. Ini jelas menunjukkan ketiga-tiga tempat itu memerlukan jejambat untuk menyelesaikan masalah kesesakan. Contohnya walaupun projek memperelokkan Jalan Kepong telah dilaksanakan di Jalan tersebut kesesakan lalu-lintas tidak dapat dilegakan kerana berbagai-bagai faktor termasuk pengendalian ke atas jalan tersebut yang kurang cekap.

Di sini saya mengemukakan hendaknya Kementerian Wilayah Persekutuan melaksanakan projek jejambat Bulatan Kepong, projek jejambat Bulatan Edinburgh serta projek jejambat Bulatan Pekeliling/Pahang. Salah satu faktor yang menyebabkan kesesakan lalu-lintas di Kepong ialah kenderaan-kenderaan dari Kuala Selangor dan kawasan-kawasan berhampirannya terpaksa melalui Kepong kerana tidak ada pilihan yang lain. Lantaran itu saya mengusulkan agar suatu jalan lecongkan Kepong dibina dari persimpangan Jalan Damansara, Batu 9 Jalan Kepong, ke Jalan Ipoh Kuala Lumpur untuk meringankan keadaan sibuk dan penuh sesak di Jalan Kepong.

Tuan Pengerusi, muka surat 135 B. 18, Butiran 1100, Program (1) (b). Kawasan Jinjang dan Kepong mempunyai 200,000 penduduk dan setakat ini pembangunan yang dilihat ialah secara bertompok dan terencil, tidak adanya pusat bandar untuk Kepong dan Jinjang. Sebab itu saya mengesyorkan supaya

satu zon yang sesuai dinyatakan dan ditetapkan bagi mewujudkan satu pusat bandar Kepong/Jinjang selaras dengan pembangunan.

Tuan Pengerusi, muka surat 142 P. 18, Butiran 3.

Di Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan telah menyatakan bahawa perbelanjaan untuk sistem aerobus sebanyak \$83.5 juta dan di dalam satu jam aerobus boleh menampung 7,500 orang. Angka-angka tersebut adalah terlalu rendah bagi perbelanjaan dan sangat tinggi bagi muatan penumpang. Ini adalah suatu harapan yang terlalu tinggi yang tidak realistik.

Saya berharap apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu adalah betul. Jika didapati salah dan saya mempercayai perhitungan beliau adalah salah. Anggaran tersebut boleh disebutkan sebagai "si cebol hendak mencapai bulan". Menurut risalah pengeluaran Aerobus memanglah benar, muatannya ialah 10,000 penumpang sejam akan tetapi di Mayham Jerman Barat adanya satu Aerobus tunggal di dunia untuk membawa pelancang-pelancang ke pamiran bunga di luar bandar, bukan di bandar. Sebenarnya muatan penumpang cuma 1,400 sejam di stesyen sahaja bukan 7,500. Sepertimana yang terdapat dengan perkhidmatan bus Aerobus mengambil dan menurun di stesyen-stesyen kecil tambah pula Aerobus memerlukan platform dan tiang-tiang yang berkehendakkan tempat yang luas dan tiang-tiang mesti didirikan tiap-tiap 300 kaki.

Sistem Aerobus kita yang telah dicadangkan itu ialah untuk pusat bandar bukan untuk luar bandar, bukan pamiran pamiran bunga di Malaysia, hanya pamiran pokok-pokok, pokok jikalau ada di pusat bandar sahaja. Dan untuk melaksanakan sistem tersebut utilities seperti bekalan air, bekalan elektrik dan talifon terpaksa ditempatkan semula dengan belanja yang banyak dan masa yang panjang. Selain dari itu stesyen-stesyen kecil-sub-station dengan platform yang agak besar hendaklah dibina untuk mengambil dan menurunkan

penumpang-penumpang. Sebab itu perbelanjaan bagi sistem Aerobus dianggarkan sekurang-kurangnya \$160 juta. Malahan Aerobus akan memakan tempat dan ruang udara yang tertentu. Ini bermakna kesesakan dan kesesakan lalu-lintas akan bertambah buruk. Sekiranya Aerobus memerlukan tiga minit untuk berhenti di satu stesyen kecil dan jumlah bilangan stesyen yang dapat dilalui ialah 20 sejam, kalaulah muatan satu Aerobus dihitung sebagai 120 penumpang-sebenarnya Aerobus hanya dapat memuatkan 100 penumpang sahaja sekali. Ia cuma boleh menampung 2,400 penumpang sejam sahaja bukan 7,500 penumpang.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat perlu laju sedikit, masa ada dua minit sahaja.

**Dr Tan Seng Giaw:** Oleh yang demikian, saya mengesyorkan supaya pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dapat menimbangkan semula dari segi cost effectiveness sama ada sistem Aerobus harus dilaksanakan di Kuala Lumpur dan juga dapatkan keadaan seelok dan penuh sesak di legakan dengan sistem Aerobus walaupun ia menjadi sebahagian dari projek untuk menyelesaikan kesesakan lalu-lintas di Wilayah Persekutuan. Memandangkan tiap-tiap pagi hampir 50,000 penumpang datang dari kawasan-kawasan kediaman ke pusat-pusat kerja melalui perkhidmatan pengangkutan awam di Kuala Lumpur, adakah wajar dan waras untuk meneruskan projek Aerobus yang hanya dapat menampung kira-kira 2,000 penumpang sejam sahaja-'habis umpan, kerong-kerong pun tidak dapat'. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Damansara.

5.16 ptg.

**Tuan Tan Koon Swan (Damansara):** Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong peruntukan bagi Kementerian Persekutuan. Sebagai seorang penduduk di Kuala Lumpur dan juga seorang Wakil Rakyat dari Wilayah Persekutuan, saya merasa sungguh gembira kerana Dewan Bandaraya akhirnya telah

menghasilkan sebuah Draft Plan Structure Kuala Lumpur baharu-baharu ini. Saya ingin membayangkan sebanyak sedikit pandangan dari sebahagian rakyat di Kuala Lumpur berkenaan draft plant structure ini.

Tuan Pengerusi, penyediaan sebuah pelan yang akan menentukan arah pembangunan Kuala Lumpur dan memenuhi keperluan sebuah ibukota yang berkembang pesat adalah amat dialu-alukan. Kami menyokong penuh konsep pembinaan sebuah kotaraya yang benar-benar mengambarkan corak kebudayaan berbilang kaum dan dapat menampung keperluan rakyat berbagai kaum. Adalah menjadi tujuan Draft Plan Structure Kuala Lumpur bagi mencapai salah satu daripada matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah menyusun semula masyarakat dengan menghapuskan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum.

Kami menyokong sepenuhnya tujuan yang baik ini, tetapi setelah membaca secara teliti Draft Plan Structure Kuala Lumpur, kami dapati beberapa perkara yang saling bertentangan antara satu sama lain, di samping itu kami juga mendapati beberapa perkara yang penting telah diabaikan oleh Draft Plan Structure tersebut. Oleh yang demikian, Draft Structure Kuala Lumpur telah menimbulkan perasaan bimbang dan curiga yang meluas di kalangan penduduk-penduduk di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, adalah menjadi tanggungjawab bagi saya membayangkan perasaan rakyat dan menunjukkan di mana kelemahan dan kekurangan Draft Plan Structure kepada Dewan ini. Satu hal yang tidak dapat dinafikan ialah pihak perancang bermaksud hendak menjadikan Draft Plan Structure Kuala Lumpur sebagai salah satu alat penting untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Saya hendak menegakkan di sini saya memang bersetuju bahawa usaha untuk memupuk semangat perpaduan negara tidak mengenal batas masanya. Bagaimanapun, Kerajaan haruslah diingatkan bahawa tempoh masa yang telah ditetapkan bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru terutamanya sekali dalam hal pencapaian matlamat 30% penyertaan

bumiputera akan berakhir pada tahun 1990. Untuk mengelakkan timbulnya perasaan curiga dan bimbang di kalangan rakyat bukan bumiputera sudah sewajarnya kita memberi penjelasan di dalam Draft Plan Structure Kuala Lumpur. Oleh yang demikian, saya cadangkan satu kenyataan penjelasan dibuat dalam pelan itu bahawa sungguhpun jangka masa pelaksanaan pelan itu berakhir pada tahun masihi 2000 tetapi syarat-syarat yang menghendaki 30% penyertaan bumiputera yang tersebut di merata tempat dalam pelan tersebut akan dibatalkan menjelang tahun 1990. Dengan kata-kata lain tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tidak patut dilanjutkan sehingga tahun masihi 2000 sepertimana yang tersebut dalam Draft Plan Structure Kuala Lumpur.

Yang kedua, berkenaan dengan sistem penentuan taaf kedudukan (ranking system). Ranking system dalam pembahagian kawasan-kawasan seperti yang dicadangkan dalam pelan itu adalah bertentangan dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Penentuan taraf kedudukan (ranking system) kawasan-kawasan memberi kesan seolah-olah ianya dilakukan menurut garis perkauman. Amalan semacam ini pasti akan membawa polarisasi kaum.

Oleh yang demikian, saya menentang polisi yang bertujuan untuk menahan atau menghambat pertumbuhan kawasan-kawasan yang tertentu iaitu termasuk kawasan-kawasan Jinjang, Kepong, Jalan Chan Sow Lin, Salak South dan sebahagian Sungai Besi yang kurang maju dengan memasukkan kawasan-kawasan ini ke dalam kawasan Taraf Empat (Rank Four). Dasar pembahagian kawasan seperti ini adalah bertentangan dengan prinsip umum pertumbuhan yang seimbang yang dikemukakan oleh Deraf Pelan Struktur itu sendiri. Sesungguhnya kawasan-kawasan tersebut adalah kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk serta kadar kemiskinan dan pengangguran yang amat tinggi yang perlu mendapat perhatian berat dari pihak Kerajaan.

Hal ketiga ialah berkenaan dengan pusat-pusat pertumbuhan baru yang dicadangkan iaitu Sungai Pencala, Hawthornden Estate dan Bukit Jalil. Ketiga-tiga tempat yang dicadangkan ini kebanyakannya terletak di kawasan Tanah Simpanan Melayu ataupun tanah Kerajaan. Adalah dibimbangkan bahawa kawasan-kawasan ini mungkin akan muncul sebagai pusat-pusat bandar monoethnic atau didiami oleh hanya satu kaum sahaja jika sekiranya dasar peruntukan rumah-rumah seperti yang diamalkan di Bandar Tun Razak sekarang dicontohi kelak di pusat-pusat bandar-bandar baru yang tersebut di atas. Ini sudah tentu akan membawa kepada polarisasi kaum yang lebih teruk lagi terutama sekali apabila pusat-pusat pertumbuhan baru diberikan kepada satu kaum manakala pertumbuhan kawasan-kawasan yang padat dengan penduduk-penduduk dari kaum lain pula ditahan atau dihambat. Oleh yang demikian, Deraf Pelan Struktur haruslah ditetapkan secara bertulis bahawa pusat-pusat pertumbuhan baru akan memberikan peluang kepada rakyat dari semua kaum. Pembangunan kawasan-kawasan ini dan peruntukan semua jenis rumah termasuk rumah kediaman, rumah kedai, tapak industri dan perniagaan hendaklah menggambarkan komposisi kaum di negara ini.

Tuan Pengerusi, hal yang keempat ialah berkenaan dengan kawasan-kawasan perusahaan kecil hendaklah diadakan di kawasan-kawasan yang bertaraf keempat. Menurut Deraf Pelan Struktur, kawasan-kawasan industri dan pusat-pusat bandar baru hanya akan disediakan menjelang tahun 1990 manakala pertumbuhan kawasan-kawasan bertaraf keempat (Rank Four) di mana terdapat banyak perusahaan-perusahaan kecil tidak akan digalakkan ataupun akan ditahankan di bawah Pelan Struktur. Ini bererti masalah kekurangan tapak yang sudahpun dirasai oleh sektor pengusaha kecil pada masa ini akan menjadi bertambah rumit lagi di masa hadapan. Memandangkan keadaan demikian, saya bercadang supaya Kerajaan mengadakan kawasan-kawasan perusahaan kecil yang baru terutamanya di kawasan-kawasan setinggan

yang dahagakan pembangunan. Ini adalah selaras dengan prinsip kedua Dasar Ekonomi Baru, iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum.

Tuan Pengerusi, pada masa yang lampau kaum bukan bumiputera telah memberi sumbangan yang tidak terhingga kepada pembangunan Kuala Lumpur. Adalah menjadi cita-cita setiap orang bukan bumiputera untuk terus memainkan peranan yang positif dalam pembangunan kotaraya ini seterusnya. Hasrat mereka ini hendaklah diambil kira oleh pihak perancang. Kerajaan hendaklah menentukan bahawa setiap penduduk akan diberi peluang untuk menyertai dan menikmati hasil pembangunan di masa yang akan datang.

Berkenaan Deraf Pelan Struktur ini, saya ada satu soalan iaitu sebelum Pelan ini diluluskan atau dilaksanakan adakah Deraf Pelan ini akan dikemukakan kepada Parlimen untuk bahasan atau tidak? Ini satu soalan sahaja.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya mohon menyokong peruntukan bagi Kementerian Wilayah Persekutuan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.25 ptg.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong permintaan Kementerian Wilayah Persekutuan dalam B. 18 yang jumlah Belanja Mengurus \$13,456 juta dan Belanja Pembangunannya \$144,595 juta, yang jumlahnya \$158.061 juta. Sebelum daripada itu, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Wilayah Persekutuan kerana telahpun mengadakan satu Deraf Pelan Struktur Bandaraya Kuala Lumpur. Ini sangatlah perlu dan mustahak kerana Bandaraya adalah kemegahan negara kita, ibu negara kita dan kita mestilah susun perjalanan pentadbiran, segala-galanya berjalan dengan begitu teratur dan licin.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 135. Butiran 1100, Program (1) Pentadbiran Am dan (2) Pentadbiran Ugama Islam Wilayah Persekutuan.

Di bawah Pentadbiran nampaknya peruntukan yang dicadangkan pada tahun ini berkurangan kalau kita banding dengan tahun sudah sebanyak \$89,100. Ini mungkin kerana sebab-sebab tertentu dan saya harap janganlah kurangnya pentadbiran itu kurangnya pegawai-pegawai kerana pekerja-pekerja di Wilayah Persekutuan ini begitu mendesak, patutlah ditambahkan lagi. Saya agak tidak patut dikurangkan, patut kita tambahkan lagi peruntukan itu.

Berkenaan dengan Program (2) Pentadbiran Ugama Islam Wilayah Persekutuan yang jumlah peruntukan pada tahun 1983 kurang sebanyak \$400,002 kalau kita banding dengan tahun yang lepas. Ini juga tidak munasabah dan tidak patut kerana sebagaimana kita sedia maklum Ugama Islam ialah agama rasmi negara kita seperti tercatat di dalam Perlembagaan Negara. Kegiatan yang dijalankan oleh Pentadbiran Ugama Islam ini begitu penting sekali di Kuala Lumpur kerana saya dapat tahu boleh kata semua hotel-hotel besar di dalam bandar Kuala Lumpur ini tidak menjalankan tugas mereka, banyak perkara-perkara maksiat sedang berlaku di hotel-hotel besar dan Bahagian Pentadbiran Ugama Islam patut mengawasi perjalanan di hotel-hotel.

Sebagai contohnya di hotel-hotel besar kononnya daging-daging yang dibekal kepada pelanggan-pelanggan dicampuradukkan, daging yang halal dan tidak halal dicampur di dalam peti ais, ditaruh begitu dan bila dimasak pula dimasakkan di dalam satu tempat masak; sama ada daging halal, tidak halal, dimasak sekali. Benda-benda yang semacam ini patut kita tengok kerana benda ini adalah salah di segi Islam. Tolong Bahagian ini melihatkan perkara-perkara yang semacam ini tidak akan berlaku lagi di hotel-hotel di dalam Kuala Lumpur ini. Kalaulah hotel-hotel bertanggungjawab, letakkanlah daging-daging di dalam peti-peti ais itu asingkan di antara daging-daging untuk

orang Islam dan bukan Islam, asingkan; bukanlah banyak belanjanya mengadakan freezer untuk mengisiskan daging-daging itu kerana dari segi Islam benda yang semacam itu tidak boleh.

Saya agak lagi satu "Pencegah Maksiat" mestilah cergas balik di Kuala Lumpur kerana masalah maksiat ini begitu kuat sekarang. Kalau kita pergi tengok ke hotel-hotel banyak perkara-perkara sedang berlaku yang mana dari segi Islam perkara-perkara ini tidak boleh berlaku.

Saya hanya minta Kementerian ini menguatkan lagi pegawai-pegawai pencegah maksiat supaya pergi melawat semua hotel. Ini ialah mustahak dan penting kerana negara kita Malaysia ini adalah sebagaimana yang saya katakan tadi ugama Islam adalah ugama rasmi negara, biarlah segala apa yang berlaku di dalam hotel itu mengikut cara Islam.

Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada muka surat 142, Butir 1 dan 2 iaitu perumahan Awam Wilayah Persekutuan dan juga Pengawalan Penempatan Setinggalan-setinggalan di Wilayah Persekutuan.

Saya tengok peruntukan yang diluluskan pada tahun 1983 ini sangat sedikit, kerana pengawalan penempatan setinggalan-setinggalan adalah satu masalah yang rumit. Kalau kita dengar wakil rakyat dari Kuala Lumpur Bandar semenjak 4-5 tahun dia menjadi wakil rakyat di sini selalu beliau membangkitkan masalah setinggalan-setinggalan di dalam Kuala Lumpur. Ini adalah penting dan mustahak, apatah lagi setinggalan-setinggalan ini boleh kata datang daripada orang luar khususnya dari ulu pun ada datang duduk di sini. Jadi kalaulah mereka duduk di ulu, datang ke bandar, cuba hendak seronok ataupun hendak dapat penghidupan di bandar tetapi mereka menghadapi kesusahan. Ini adalah kesulitan. Oleh yang demikian, saya mintalah Kementerian ini supaya memikirkan sesungguhnya berkenaan perumahan awam Wilayah Persekutuan ini, biarlah jangan kita ada setinggalan-setinggalan lagi yang wujud di dalam bandar ini, kita buat rumah dan kepada mereka cara standard yang mereka boleh bayar. Ini adalah penting dan mustahak

apa juga berlaku di dalam Kuala Lumpur, kalau pelawat-pelawat datang dari luar ia ambil ingatan, katanya negara kita tak maju, negara kita tak bagus masalah-masalah yang dilihat oleh mereka. Oleh yang demikian, saya minta Kementerian Wilayah Persekutuan supaya memberi pemikiran yang serius memajukan setinggalan-setinggalan yang duduk di sini baik dari segi tempat duduknya, dari segi perniagaan, dari segi cari makan mereka, hendaklah diperelokkan lagi.

Selain daripada itu, saya ucapkan syabas kepada Kementerian Wilayah Persekutuan kerana sudah hampir setahun lebih kita tengok bandaraya Kuala Lumpur, kita boleh bangga kepada negara, kerana pada hari ini kita duduk di Kuala Lumpur, kita tak berasa macam kita duduk setahun atau dua tahun dahulu. Pokok-pokok begitu banyak sekali dan kita harap pokok-pokok yang ditanam ini, rakyat sekalian pun mestilah jaga bersama, janganlah Kementerian Wilayah Persekutuan sahaja jaga pokok-pokok itu dari segi baja dan sebagainya, biarlah tumbuh begitu sihat walafiat, biarlah bandaraya Kuala Lumpur kita boleh bangga, dan kita boleh anggap bahawa bandaraya Kuala Lumpur adalah bandar yang terbaik di dalam dunia.

Tuan Pengerusi, saya rasa inilah serba sedikit pendapat saya yang saya hendak kemukakan dan saya berdoa kepada Allah subhanahu wataala segala tindak-tanduk yang dijalankan oleh Menteri Wilayah Persekutuan ini baik dari segi planning yang dapat berjalan sebagaimana yang diplan, pengangkutannya dapat diselesaikan, dan lagi satu kalau boleh, saya mintalah Yang Berhormat Menteri tolong selesaikan masalah kesesakan di Kuala Lumpur, jangan kita buat jalan banyak sangat tetapi masalah orang masuk ke bandar ini satu kereta satu orang itulah yang sesak sangat seperti mana yang dikatakan oleh wakil Rakyat dari Kepong-selalu sesak, tetapi daripada Kepong kita cuba banci orang yang naik kereta seorang dalam satu kereta, itulah orang-orang dari Kepong. Mereka ada kereta banyak, ia datang ke bandar dan Wakil Rakyatnya komplek, kerana sesak sangat

maka sebab itulah kalau boleh, cuba kita tiru sedikit bagaimana Bandaraya di Singapura boleh menyelesaikan masalah kesesakan itu di mana tidak begitu terdesak sangat di sana tetapi kita di Kuala Lumpur boleh kata banyak kesesakan, sungguhpun Kementerian mengadakan jalan-jalan baru tetapi kesesakan masih ada, sungguhpun ada card punch in and punch out mengurangkan kesesakan lalulintas tetapi kesesakan masih berlaku lagi dan kita percaya di masa akan datang kesesakan itu tak dapat diselesaikan kecuali Bandaraya menjalankan satu tugas bahawa kita tetapkan kereta-kereta jangan masuk banyak sangat ke bandaraya Kuala Lumpur. Dengan yang demikian tak sesak kalau kereta tak banyak masuk ke Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu adalah pendapat-pendapat wakil dari Ulu Muda untuk menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Wilayah Persekutuan ini.

**Tuan Pengerusi:** Saya menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.36 ptg.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Pengerusi, saya memulakan dengan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengeluarkan pendapat mereka mengenai dengan Kementerian saya yang sehubungan dengan peruntukan yang diminta bagi tahun 1983.

Saya ingin clarify sedikit bahawa tadi Yang Berhormat dari Kepong mengatakan saya menyekat beliau bercakap. Yang sebenarnya yang telah mengeluarkan peraturan menghadkan kepada 15 minit itu adalah Yang di-Pertua, sendiri dan bagi saya sendiri, saya rasa kami juga telah dihadkan sebanyak 30 minit tetapi kalau boleh minta timbang, kerana kami Menteri-menteri terpaksa menjawab soalan-soalan dan masalah-masalah yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau sedikit masalah dikemukakan, pendeklah jawapan kami.

Kalau tidak ada masalah sekalipun, lebih baik lagi tetapi kalau sudah terlalu banyak masalah maka terpaksa panjang jawabannya. Jadi hari inipun kita sudah ada 7 Ahli Yang Berhormat yang sudi tampil untuk membahas perkara di bawah Kementerian saya. Walau bagaimanapun saya akan cuba sedaya upaya untuk mematuhi arahan Yang di-Pertua, tetapi minta pertimbangan mengikut keadaan.

Tuan Pengerusi, saya rasa pertama sekali saya ingin merujuk kepada perbincangan yang ditimbulkan oleh Ketua Pembangkang yang juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga perkara yang sama yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi dan juga beberapa lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah mengecam atau meragui Pelan Induk Kuala Lumpur di mana khasnya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan Pelan Induk itu menekankan pembangunan di kawasan-kawasan baru, ertinya mengkhususkan pembangunan di kawasan-kawasan baru, seperti Hawthorndean, Bukit Jalil yang dianggap oleh beliau sebagai kawasan Melayu atau bumiputera akan menyebabkan kawasan-kawasan Sungai Besi dan Kepong dianggap kawasan orang-orang bukan Bumiputera akan ketinggalan.

Perkara ini pula dikaitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebagai perkara mengancam perpaduan negara. Manakala Yang Berhormat dari Sungai Besi pula telah mengatakan kemungkinan Pelan Induk itu direka atas tekanan-tekanan satu pihak iaitu pihak UMNO.

Inginlah saya menjelaskan di sini di masa kita menyediakan Pelan Induk itu tidak ada tekanan dari mana-mana pihak. Pelan induk itu disediakan oleh pakar-pakar antarabangsa dan juga pakar tempatan supaya Kuala Lumpur ini dapat dibangunkan begitu rupa, cuba-cuba memuaskan selera semua orang tetapi hendak memuaskan selera semua orang ini, saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum tidak ada kemungkinannya. Apa yang kita boleh buat ialah seberapa daya upaya untuk memenuhi kehendak kebanyakan masyarakat kita di sini.

Saya ingin menafikan iaitu Pekan Induk itu tidak mempunyai tujuan menindas mana-mana pihak atau keturunan, apatah lagi Pelan Induk itu tentu tidak mempunyai unsur-unsur yang boleh memecahkan rakyat Malaysia. Malahan sebaliknya Pelan Induk bertujuan memastikan keadilan di bidang ekonomi, dengan izin, economic justice diwujudkan supaya semua kaum atau keturunan dapat sama-sama menikmati kemerdekaan dan kekayaan di negara kita ini. Dengan adanya pembahagian ekonomi yang sama rata ini akan mewujudkan rasa puas hati dikalangan semua rakyat dan dengan demikian akan memudahkan lagi usaha-usaha mewujudkan perpaduan rakyat di negara ini.

Saya memang tidak hairan kalau Ketua Pembangkang membangkitkan perkara ini dengan membuat kenyataan-kenyataan yang tidak berasas iaitu untuk mengelirukan rakyat. Dalam Dewan yang mulia ini kita semua tahu setiap isu akan diputarbelitkan oleh Ahli-ahli Pembangkang khususnya Yang Berhormat dari Kota Melaka itu sekadar untuk melepaskan 'frust' mereka. Oleh itu tidak hairanlah sebagai Ahli-ahli yang ternyata keciwa mereka melontarkan berbagai tuduhan terhadap Kerajaan dengan menggunakan perkataan-perkataan yang emosi dan kurang sopan.

Kelmarin kita sudah saksikan Ahli Yang Berhormat itu bertelagah dengan Pengerusi melanggar Peraturan Mesyuarat. Saya kira kata-kata yang tidak sopan ini dan kelakuan-kelakuan yang tidak tertib yang dimulakan dan diperlihatkan oleh kebanyakan Ahli Pembangkang itu barangkali terkecuali satu dua adalah jelas menunjukkan prestasi kepimpinan yang tidak bertanggungjawab.

Saya kira tidak perlulah mengikut telatah mereka ini, walaupun kelmarin saya ikut juga kerana kata para bijakpandai, kalau kita melayani orang-orang yang tidak siuman kita juga boleh dianggap sebagai kurang siuman. Mereka ini ibaratkan tin kosong bunyinya sahaja besar, tetapi dalam tidak ada apa-apa.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Apa Yang Berhormat?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tertib Mesyuarat 36(6).

"Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain". (*Ketawa*).

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Pengerusi, ini bukan sangkaan, ini kebenaran.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya benarkan.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Walaupun demikian untuk mengelakkan kekeliruan rakyat negara ini, saya ingin mengulas sedikit tuduhan yang dilemparkan oleh Yang Berhormat itu. Soal pokok, Tuan Pengerusi, yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari kota Melaka itu keadilan dan perpaduan, kedua-dua perkara ini memang penting dan ianya menjadi asas pertimbangan dalam dasar-dasar, polisi-polisi dan usaha-usaha pembangunan Kerajaan.

Apabila kita menyentuh mengenai dengan keadilan tentulah saya mempunyai pengertian dan makna yang sangat luas kerana Pelan Induk ini, Tuan Pengerusi, banyak berkisar kepada pembangunan sosial dan ekonomi. Saya meringkaskan ulasan ini kepada perkara-perkara sosial dan ekonomi sahaja khususnya dalam bidang pelajaran, kesihatan, perdagangan dan perusahaan.

Dari segi pelajaran jelas sekali kaum bumiputra masih jauh ketinggalan dari saudara-saudara yang bukan bumiputra. Ini kenyataan, begitu juga halnya dengan kesihatan, kemudahan-kemudahan yang banyak terdapat ialah di bandar-bandar di mana warganegara bukan bumiputra menjadi penduduk yang terbesar bilangannya menikmati kemudahan-kemudahan tersebut. Sebahagian besar bumiputra tinggal di luar bandar di mana kemudahan-kemudahan pelajaran dan kesihatan adalah masih jauh ketinggalan dan kurang jika dibanding dengan yang ada di bandar-bandar. Saya ingat Yang Berhormat dari Ulu Muda boleh

mengesahkan kalau perlu. Jelas sekali orang-orang bandar lebih beruntung dari orang-orang yang tinggal di luar-luar bandar, maka itulah Kerajaan menumpukan perhatian banyak sedikit untuk membantu mereka ini.

Kalau kita persoalkan keadilan di bidang perdagangan dan perindustrian, Tuan Pengerusi, kaum bumiputra atau Melayu lebih jauh lagi ketinggalan dari saudara-saudara mereka yang bukan bumiputra. Adalah sudah menjadi satu kenyataan dan bukan menjadi satu sangkaan atau rekaan, kedai-kedai dan bangunan-bangunan yang tinggi yang khasnya di Kuala Lumpur ini bukan dipegang dan dipunyai oleh bumiputra. Kita semua dapat melihat dan menyaksikan dengan mata kita di kepala kita sendiri bagaimana kedai-kedai yang mewah itu adalah sebahagian besarnya kalau bukan semuanya dikendali oleh saudara-saudara kita bukan bumiputra.

Berbalik kepada soalan keadilan di bidang ekonomi dan sosial seperti yang saya huraikan tadi sudah jelas keadilan sosial dan keadilan ekonomi, dengan izin, sosial dan economic justice, perlu diwujudkan oleh Kerajaan sebagai Kerajaan rakyat dan yang dipilih oleh rakyat. Berasaskan kepada inilah lahirnya Dasar Ekonomi Baru, Tuan Pengerusi, yang bertujuan membantu orang-orang yang lemah dan miskin supaya dapat keadilan untuk sama-sama menikmati kekayaan dan kemerdekaan di negara kita ini. Secara kebetulan yang miskin dan yang lemah ini adalah kebanyakannya kaum bumiputra atau Melayu. Oleh itu memang sesuai, sangat sesuai mereka ini dibantu oleh Kerajaan meninggikan taraf hidup mereka melalui penyertaan yang lebih cergas lagi dan lebih berkesan lagi dalam bidang perdagangan seperti yang terdapat dalam Pelan Induk atau Kuala Lumpur Master Plan. Oleh itu tentu tidak salah kalau tanah-tanah Melayu yang mundur dan ketinggalan itu dimajukan. Ini bukan sahaja menguntungkan orang Melayu, malah menguntungkan seluruh rakyat di negara kita ini.

Untuk menegakkan lagi supaya difahami oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka

khasnya Pelan Induk Kuala Lumpur tidak bertujuan menekan mana-mana pihak, bandar-bandar baru diwujudkan itu tidak ada tercatat dalam pelan tersebut sebagai untuk orang Melayu atau bumiputra sahaja. Apa yang dirancang dalam Pelan Induk ialah menyelaraskan pembangunan Bandaraya supaya ianya lebih tersusun dan maju sebagai ibu negara dan pusat pembangunan yang terkenal di rantau ini. Walaupun sekiranya ada sekatan ini hanyalah bertujuan menyeimbangkan pembangunan untuk meliputi semua kawasan dan merapatkan lagi jurang perbezaan antara yang miskin dan yang kaya tidak kira keturunan atau bangsa.

Tuan Pengerusi, gara-gara Ahli Pembangkang perjuang atau menggalakkan perpaduan rakyat negara ini, adalah pada pendapat saya sebagai bersendiwara sahaja (*Tepuk*).

Ini terbukti apabila setiap soalan-soalan dan hujah-hujah dari ahli-ahli Pembangkang dalam Dewan yang mulia ini.....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat!

**Dr Tan Seng Giaw:** Tertib Mesyuarat 36(1), "Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja".

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, pada pendapat saya ucapan adalah 'relevant'. Sila duduk!

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Ini terbukti apabila setiap soalan-soalan dan hujah-hujah, ini 'relevant' tiap-tiap ahli bercakap, ahli-ahli Pembangkang dalam Dewan ini berkisar sentiasa kepada perkauman. Kita semua tahu pihak Pembangkang apabila mengemukakan sesuatu berasaskan keturunan dan bangsa, dan ini betul. Pihak Pembangkanglah yang mempersoalkan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai unsur penyatuan kaum dan keturunan di negara kita ini. Disadari atau tidak dengan mengungkit perkara-perkara.....

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta jalan.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Kalau Tuan Pengerusi beri saya masa, boleh beri jalan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Kita dalam DAP tidak pernah meragui penggunaan Bahasa Malaysia, saya sendiri menggunakan dengan kerap kali, banyak kali yang boleh, ini bukan satu keraguan.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Pengerusi, saya fikir pihak Pembangkang yang pandai berbahasa Inggeris dalam Dewan ini ada dua orang, hari-hari berbahasa Inggeris, siapa itu? (*Tepuk*). Disadari atau tidak dengan mengungkit perkara-perkara yang sensitif seperti bangsa, ugama atau keturunan dengan sendirinya menimbulkan perasaan perkauman yang merbahaya dan kalau perkara-perkara ini terus menjadi asas perbincangan dan perbincangan di dalam Dewan ini tentu ianya akan menjadi penghalang kepada usaha-usaha Kerajaan menyatupadukan rakyat negara ini. Negara jiran misalnya hanya menggunakan satu Bahasa Kebangsaan di Radio dan TV, tak payah saya sebut, walaupun di negara-negara tersebut terdiri dari berbagai bangsa dan keturunan. Kita semua tahu kaum bumiputera di Sabah dan di Sarawak juga mempunyai bahasa ibundanya sendiri tetapi telah tidak mengutarakannya untuk siaran-siaran di TV atau dianjurkan di sekolah-sekolah kerana memikirkan kepentingan negara kita.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, gangguan lagi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta jalan. Jadi saya telah melihat daripada muka 135 ke 144 tak terbangkit soal Sarawak dan Sabah.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Pengerusi, ibu negara ini hak seluruh rakyat negara kita, termasuk Sabah dan Sarawak (*Tepuk*). Sebagai penduduk asli negara ini bahasa mereka tentu lebih berhak

untuk dipertimbangkan tetapi atas kesedaran kepentingan Bahasa Kebangsaan dijadikan asas tunggal sebagai unsur perpaduan negara kita mereka berkorban tanpa banyak bicara.

Seperti Ahli Yang Berhormat itu tentu tahu kita perlu mewujudkan perpaduan bangsa yang kukuh dan kekal di negara kita ini untuk mewujudkan kestabilan, keamanan dan kemakmuran. Dalam hubungan ini negara Malaysia harus mengikiskan perasaan tidak puas hati di kalangan masyarakatnya walau apa keturunan sekalipun. Perasaan tidak puas hati itu atau iri hati boleh timbul kalau satu bangsa atau keturunan terlalu kaya, manakala yang lain terlalu miskin pula dan menderita. Kita dapat menyaksikan akibat dari perkara ini berlaku dalam sejarah negara-negara lain di mana yang kaya hidup senang-lenang dan menindas saudara-saudara senegara yang miskin. Dalam masalah ini negara kita ialah beruntung kerana rakyat bertimbang rasa antara satu sama lain. Oleh itu apa yang dilakukan oleh Kerajaan berusaha merapatkan lagi jurang perbezaan antara yang miskin dengan yang kaya adalah satu langkah yang paling bijak dan yang sangat penting dan tidak ada sebab mengapa Dasar Ekonomi Baru yang kita tekankan dalam pelaksanaan Pelan Induk itu dipersoalkan lagi.

Dari ulasan yang saya telah buat itu jelas sekali tuduhan Ahli Yang Berhormat adalah meleset dan tidak berasas, sama ada Ahli Yang Berhormat itu mempunyai motif-motif tertentu, tentulah lebih diketahui oleh Yang Berhormat itu sendiri. Saya tidak perlu mengulas perkara ini dengan lebih lanjut lagi. Pihak Kerajaan tegas dengan pendiriannya membela nasib semua golongan masyarakat di negara ini, khasnya mereka yang memerlukan bantuan Kerajaan seperti rakyat yang daif ataupun yang miskin kerana kerajaan tidak akan gentar dengan kecaman-kecaman pihak Pembangkang kerana kita tahu sebilangan besar rakyat negara ini sedar apa yang dilakukan oleh Kerajaan adalah untuk kepentingan mereka bersama dan untuk kepentingan negara kita.

Saya suka menegaskan di sini dalam perancangan dan pelaksanaan Pelan Induk

Kuala Lumpur akan mengambil kira kepentingan semua kaum dan semua pihak, semua keturunan sama ada yang kaya dan yang miskin. Ibu negara Kuala Lumpur adalah hak semua rakyat Malaysia. Oleh itu, pembangunannya hendaklah diselaraskan mengikut keadaan dan pembangunan yang terdapat di seluruh negara kita ini.

Dari itu saya inginlah memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuk Ahli dari Kuala Lumpur Bandar di mana beliau tadi meminta supaya kita menjalankan keadilan apabila kita melaksanakan pelan tersebut. Ini, Tuan Pengerusi, memang jelas fasal apa kita mengemukakan pelan itu kepada rakyat jelata, kerana kita mahu keadilanlah, kerana kita mahu rakyat jelata menyertai pembangunan di Kuala Lumpur inilah maka kita membukakan peluang bagi mereka untuk membuat pandangan, bantahan dan pendapat. Jadi kalau tindakan kita yang sebegitu baik memberi peluang kepada semua orang, bukan sahaja kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi kepada setiap manusia yang ada di Kuala Lumpur dan di negara kita ini diberi peluang untuk mengeluarkan pendapat mengenai dengan pelan ini, jadi saya rasa itu sudah cukup dan tidak harus diragukan lagi. Sekarang kerana pelan ini masih dalam pendengaran di mana pada masa ini saya telah melantik 23 orang menjadi Ahli Jawatankuasa mendengar rayuan permohonan pandangan dan pendapat rakyat ini sedang duduk mendengar pendapat-pendapat mereka ini, saya rasa tidaklah perlu saya mengulaskannya kerana saya rasa ada baik kita menunggu pendapat yang dikeluarkan oleh mereka yang telah didengar itu dan juga pendapat-pendapat dari Ahli-ahli Jawatankuasa yang telah diberi peluang untuk mendengar dan memberi komen nanti setelah pendengaran itu selesai.

Tuan Pengerusi, mohon izin sedikit lagi kerana di sini tadi Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga dari Sungai Besi mengatakan bahawa pembahagian rumah di Kuala Lumpur ini tidak adil, dikatakan satu bangsa diberi lebih dari bangsa yang lain. Saya tidak mempunyai

rekod hingga hari ini, tetapi saya mempunyai rekod hingga 30hb Jun, 1982.

Rumah pangsa yang didirikan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur setakat 30hb Jun, 1982 yang telah diberi kepada:

Melayu .. ..	4,151 unit (40%)
China .. ..	4,824 unit (47%)
India .. ..	1,406 unit (13%)

Rumah panjang:

Melayu .. ..	138 unit (24%)
China .. ..	380 unit (67%)
India .. ..	51 unit (9%)

Jadi kalau keraguan yang telah ditimbulkan tadi saya haraplah lain kali sebelum mengeluarkan pendapat, kalau boleh mintalah penerangan supaya dapat diketahui kedudukan yang sebenarnya.

Memanglah dari satu kawasan ke satu kawasan ada berbeza mengikut keadaannya. Saya baca di sini:

*Sungai Besi:*

Melayu .. ..	69 unit (10.6%)
Cina .. ..	551 unit (24.6%)
India .. ..	31 unit (4.8%)

Ini di kawasan Sungai Besi tetapi bila kita sampai ke kawasan Sri Pahang pula, Melayu 552, Cina 127, India 163. Jadi dalam keadaan yang ada di Kuala Lumpur ini tidak bolehlah sama rata di tiap-tiap bangunan. Jadi mengikut tempat, mungkin di tempat sana banyak permohonan diterima daripada satu kaum maka banyaklah diberi kepada kaum itu dan di satu tempat bila permohonan itu banyak diterima dari kaum itu maka banyaklah keturunan yang berkenaan. Jadi tuduhan yang dikatakan tadi itu, saya ingin menafikan sekeras-kerasnya adalah tidak betul dan kita adalah sentiasa mengambil perhatian mengenai perkara ini dan memberi seberapa adilnya untuk semua masyarakat kita di negara ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang berkaitan dengan Pelan Induk juga yang saya rasa perlu

saya jelaskan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara mengatakan tempoh masa Dasar Ekonomi Baru akan berakhir pada tahun 1990 dan Pelan Induk pula akan berakhir pada tahun 2000.

Tuan Pengerusi, Pelan Induk ini bukannya merupakan satu pelan yang sangat rigid. Dia tidak boleh menjadi pelan kalau dia kata tidak boleh ubah sedikit pun di masa hadapan. Apabila sampai masanya nanti perubahan-perubahan mungkin berlaku mengikut keadaan pada masa itu. Jadi tidak perlulah saya menghuraikan di sini dan tidak perlulah dibimbangkan oleh Yang Berhormat itu bahawa pelan itu adalah dirangka sebegitu rupa, dia boleh memberi perubahan ataupun memberi sebanyak sedikit perubahan yang diperlukan mengikut keperluan masyarakat kita dalam masa-masa yang tertentu.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan perumahan saya rasa saya sudah banyak kali bercakap dalam Dewan ini mengenai usaha-usaha kita memperbanyakkan perumahan di Wilayah Persekutuan ini dan juga saya kerap kali bercakap di dalam Dewan ini mengenai dengan cara-cara kita menyelesaikan atau mengurangkan bebanan masalah masyarakat yang miskin terutamanya setinggi-setinggi di mana Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memberikan kemudahan-kemudahan seperti api elektrik, air dan sebagainya.

Hanya satu lagi, Tuan Pengerusi, yang saya ingin sebutkan di sini ialah masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi iaitu berkaitan dengan Aerobus ini. Saya rasa itu sudah diterangkan dengan jelas beberapa kali ialah di dalam Kuala Lumpur ini kita hanya mempunyai tiga pilihan; kalau jalan kita hendak mengadakan sistem, kita hendak ikut bawah tanah (underground), kita hendak jalan atas tanah ataupun kita hendak jalan atas lagi tanah. Ini semua kita sudah kaji, keadaan Kuala Lumpur ini sudah dikaji oleh experts ataupun orang-orang yang pakar di dalam perkara ini dan seperti yang saya mengatakan tempoh

hari Aerobus adalah merupakan satu-satunya sistem daripada dua sistem yang akan kita laksanakan.

Jadi saya mintalah Yang Berhormat itu faham dan tunggulah kerana saya pun bukan seorang yang memikirkan mengenai dengan Aerobus ini, banyak juga pakar-pakar yang lain dan kalau segala-galanya kita sudah cakap belum sampai lagi masanya, saya rasa tentulah kurang begitu baik. Tetapi apa yang saya cuba hendak terangkan di sini ialah berkaitan dengan masalah lalu-lintas dan masalah kenderaan di Kuala Lumpur ini. Kita mengadakan sistem Aerobus dan lain-lain sistem laju ringan ini adalah sebagai tambahan kepada sistem yang ada sekarang, tambahan kepada teksi, tambahan kepada bas dan lain-lain sistem yang ada di Kuala Lumpur ini, bukan hanya merupakan satu sistem semata-mata. Tadi saya dengar Yang Berhormat mengkritik saya tetapi dia tidak beri saya alternative.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat itu minta jalan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Yang saya maksudkan dengan Aerobus ini ialah sistem yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu adalah untuk dalam bandar sahaja, bukan dari tempat-tempat kediaman masuk ke tempat-tempat kerja di pusat bandar. Jadi macam manakah akan kita selesaikan masalah kesesakan?

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Yang Berhormat itu saya rasa dia tidak mengikuti ucapan saya tadi. Saya kata Aerobus itu hanya satu daripada dua sistem yang akan kita perkenalkan; dengan izin, one of the two systems that we are going to introduce in Kuala Lumpur. Jadi saya harap dia faham lah itu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa ada 3 minit lagi.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Sedikit lagi.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat

dari Ulu Muda tadi ialah perkara ini saya sedang ambil perhatian dan terima kasih. Begitu juga masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Putih dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Tuan Pengerusi, seperti saya katakan tadi kami Menteri-menteri terpaksa bercakap mengikut berapa banyak soalan yang ditimbulkan dalam Dewan ini. Kalau tidak ada orang bercakap, tidak payah saya cakap tetapi kerana banyak orang bercakap, jadi terpaksa masa itu barangkali banyak sedikit, Ini kita terpaksa praktikal, Tuan Pengerusi, kita tidak boleh cakapkan 50 minit; kalau 50 orang Ahli Yang Berhormat bercakap, kalau tidak beri jawapan, esok nanti pulang tidak senang hati, tidak boleh tidur. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$13,465,600 untuk Maksud B. 18 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Wang sebanyak \$13,465,600 untuk Maksud B. 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$144,595,619 yang disebutkan dalam Maksud P. 18 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$144,595,619 untuk Maksud P. 18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

*Maksud B. 19 (Jadual)—*

*Maksud P. 19 (Anggaran Pembangunan, 1983)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala B. 19 dan Kepala P. 19 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Ulu Muda.

*6.09 ptg.*

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong penuh di atas peruntukan yang diberi kepada Kementerian Perusahaan Utama di bawah Maksud B. 19 yang Belanja Mengurusnya sebanyak \$258,893,900 dan Belanja Pembangunan berjumlah \$21,959,870 yang jumlah semuanya ialah \$280,853,770.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang diberi kepada Kementerian Perusahaan Utama ini adalah penting dan mustahak kerana boleh dikatakan rakyat di dalam Malaysia ini bergantung banyak kepada Kementerian Perusahaan Utama, boleh dikatakan seluruh negara iaitu baik dari segi getah, kelapa sawit, bijih, hutan dan sebagainya. Ini adalah satu peruntukan pada pandangan saya masih bekurangan, kalau boleh tahun depan mesti ditambah lagi kerana Kementerian Perusahaan Utama adalah penting dan mustahak untuk kemajuan rakyat dalam negara kita.

Saya ingin merujuk kepada muka surat 147 Butiran 1100 Program 1(a) dan (b) iaitu berkenaan dengan Ibu Pejabat, Pentadbiran Am Pasaran Bahan Utama dan Bahan-bahan Utama Lain, Getah dan lain-lain Bahan Antarabangsa dan Penyelidikan. Oleh kerana di dalam kawasan saya banyak penduduk-penduduk sana adalah terdiri dari pekebun-pekebun kecil getah dan boleh dikatakan di seluruh negara pekebun-pekebun kecil adalah penting kepada negara kita dan getah yang dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil adalah begitu mustahak dan penting kepada negara. Di kawasan saya lebih kurang 75% penduduk-penduduk di dalam daerah Pendang dan Sik adalah miskin belaka. Kebanyakan adalah pekebun-pekebun kecil. Pendapatan mereka sekurang-kurangnya satu keluarga di kampung pada hari ini boleh kata \$100 sahaja sebulan sungguhpun mereka terdiri daripada pekebun-pekebun kecil, sebab ini berlaku kerana harga getah meleset dan rendah sekali maka rakyat di kawasan pendalaman iaitu penduduk-penduduk yang ada memiliki getah berharap sangat supaya

Kementerian ini boleh berusaha mencari jalan supaya harga getah boleh dinaikkan lagi kerana di tempat saya di Sik termasuk juga Baling adalah satu daerah yang termasyur di dalam negara kita kerana tunjuk perasaan biasa berlaku di Sik dan di Baling. Beberapa tahun dahulu yang mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sekarang menjadi Menteri Perusahaan Utama, beliau terpaksa pergi ke sana cuba menyelesaikan masalah ini dan beliau sanggup merelakan dirinya terdedah kepada pekebun-pekebun kecil yang menunjuk perasaan. Kita ucapkan syabas kepada keberanian Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa itu Menteri Perusahaan Utama kerana sanggup hendak bertemu dengan rakyat. Alhamdulillah apabila beliau datang ke sana sebaik-baik sahaja selepas itu nampaknya harga getah meningkat naik. Kalau boleh mintalah Menteri yang ada pada hari ini atau Timbalan Menteri, harga getah di sana masih lagi rendah dan cari jalan supaya harga getah boleh meningkat naik. Janganlah kita anggap penduduk-penduduk di kawasan ulu itu tidak berguna kerana di Sik dan Baling telah menempuh sejarah di negara kita menunjuk perasaan kerana jatuhnya harga getah dahulu.

Tuan Pengerusi, ingin saya bercakap berkenaan dengan kelapa sawit, kerana kelapa sawit juga di bawah Kementerian ini. Pengeluaran minyak kelapa sawit mentah setahun di Malaysia adalah 2,823 juta ton metrik. Daripada ini 2,665 juta ton metrik dijual di pasaran tempatan kepada pekilang dan penapis minyak sawit. Sebaliknya pula pengilang penapis ini menjual, mengeksport 2,330,400 ton metrik minyak sawit yang diproses. Berdasarkan harga pukul rata minyak sawit mentah \$700 seton metrik, dan minyak sawit proses \$1,000 seton metrik, jumlah nilai perniagaan 'business turnover' setahun adalah seperti berikut:

Minyak sawit mentah \$1,400 juta

Minyak sawit diproses \$2,300 juta

Dalam bidang perniagaan yang begitu besar nilainya saya rasa penyertaan bumiputera di dalamnya masih belum mencapai tahap yang

diharapkan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Penyertaan bumiputera di dalam pengeluaran minyak sawit mentah adalah memadai tetapi ini terhad kepada peneroka-peneroka FELDA dan agensi-agensi Kerajaan.

Di dalam proses penapisan minyak sawit penyertaan bumiputera di dalam ekuiti syarikat penapis adalah sedikit. Penyertaan bumiputera di dalam pasaran dan perniagaan minyak sawit mentah diproses hampir tidak ada langsung kecuali badan-badan berkanun Kerajaan dan agensi-agensi yang dimiliki secara terus oleh PNB. Penyertaan perseorangan bumiputera atau syarikat swasta bumiputera amat kurang sekali.

Tuan Pengerusi, tiap-tiap lesen yang dikeluarkan oleh PORLA, Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Kelapa Sawit Malaysia, kepada pengilang-pengilang kelapa sawit mensyaratkan bahawa 30% dari pengeluarannya hendaklah diedar atau dipasarkan oleh bumiputera. Hampir semua pengilang-pengilang tidak termasuk yang dimiliki oleh agensi Kerajaan tidak mematuhi syarat-syarat ini. Peniaga-peniaga bumiputera yang ingin menjual beli minyak sawit mentah tidak akan dilayan oleh pengilang-pengilang termasuk FELDA, Guthrie, Sime Darby, Harrisons & Crossfield dan lain-lain lagi. Alasannya adalah kerana dasarnya tidak menjual kepada peniaga (traders) tempatan tetapi mereka lebih yakin kepada peniaga luar negeri.

Tuan Pengerusi, tidak boleh dikatakan juga bahawa menjual kepada peniaga (traders) tempatan akan mengurangkan keuntungan mereka kerana peniaga atau pengilang membeli mengikut harga pasaran. Peniaga akan mengambil untung dengan kemampuannya membuat pendirian mengenai naik atau turun harga minyak di pasaran. Jika Kerajaan dapat menentukan penyertaan bumiputera sekadar 30% dalam perniagaan dan pemasaran minyak sawit, ini bererti bumiputera akan melibatkan diri dalam satu sektor perniagaan yang bernilai lebih kurang 558 juta ton minyak sawit mentah dan 699 juta ton minyak sawit diproses. Ini adalah satu bidang perniagaan

yang besar yang sekarang ini tertutup kepada bumiputera.

Tuan Pengerusi, Kerajaan perlu mengambil tindakan untuk menjamin syarat Dasar Ekonomi Baru iaitu 30% dari perniagaan diberikan kepada bumiputera. Kerajaan patut menggalakkan penubuhan syarikat bumiputera yang dapat mengembelikan anak-anak bumiputera yang berpengalaman dalam bidang-bidang perniagaan minyak sawit. Banyak dari mereka sedang berkhidmat dengan syarikat-syarikat besar dengan mereka yang mempunyai kemampuan kewangan atau sokongan dari Bank Tempatan. Ini akan merupakan satu langkah kehadapan dalam usaha memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru. Itu adalah kehendak-kehendak yang disuarakan oleh bumiputera dan pihak Kementerian saya minta supaya memikirkan bersungguh-sungguh cara-cara kita boleh menolong kaum bumiputera sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru boleh mencapai 30% dalam perusahaan kelapa sawit ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu inginlah saya membawa pengetahuan kepada Timbalan Menteri Perusahaan Utama ini kerana saya lihat di Kelantan, Perlis dan Trengganu banyak sangat orang boleh menanam tembakau. Mengapa dan sebab apa di Kedah pihak Kementerian tidak boleh menggalakkan agensi-agensi yang mengurus masalah tembakau ini supaya Kedah juga boleh ditanam tembakau. Negeri Kedah seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri ketahui adalah "rice bowl of Malaysia" kerana kebanyakan rakyat di sana menanam padi. Ada juga tanah-tanah yang tidak boleh ditanam padi maka dengan suara yang dibawa oleh saya ini daripada rakyat sana supaya Kementerian memberi perhatian yang serius supaya memberi di kawasan-kawasan sana lebih banyak lagi tembakau-tembakau boleh ditanam seperti mana dibuat oleh petani-petani di Kelantan, Trengganu dan di Perlis juga bawa ke negeri Kedah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Tenggaroh.

6.20 ptg.

**Tuan Khadri Sabran (Tenggaroh):** Tuan Pengerusi, saya ingin turut sama membicarakan Anggaran Belanjawan 1983 Kementerian Perusahaan Utama di mana Kementerian ini telahpun diberikan peruntukan sebanyak \$280,853,770 dan dalam hubungan itu ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada Maksud B. 19 mukasurat 147 Program 2(a), (b), (c), (d) dan (e) di mana anggaran peruntukan tahun 1983 di bahagian tersebut berjumlah sebanyak \$6,458,500 yang bererti berkurangan sebanyak \$1,279,500 daripada peruntukan tahun 1982.

Tuan Pengerusi, bidang perikanan adalah merupakan sumber penting di Malaysia di samping memberikan peluang-peluang pekerjaan, bidang ini juga adalah merupakan sumber pendapatan negara yang ketiga besarnya dari sudut eksport selepas bahan petroleum dan getah. Nilai eksport kayu pada tahun 1980 ialah kira-kira \$4,113.3 juta. Saya berpendapat bahawa nilai eksport itu pada masa-masa yang akan datang akan bertambah berdasarkan kepada dasar "Pandang ke Timur" Kerajaan yang menyebabkan permintaan terhadap bahan kayu ini daripada negara-negara sebelah timur itu sendiri akan bertambah. Dan dalam hubungan ini ingin saya nyatakan bahawa beberapa bulan yang lepas negara kita telahpun menerima kunjungan beberapa orang pengusaha kayu daripada negara China dan mereka telahpun menunjukkan minat yang mendalam untuk mengimport bahan kayu daripada negara kita. Di samping itu pula saya berpendapat negara-negara Timur Tengah juga akan mengimport bahan-bahan kayu dari negara kita berdasarkan kepada keadaan semasa di mana perhubungan di antara negara kita dengan negara-negara tersebut kian bertambah rapat dan erat.

Tuan Pengerusi, kesempatan berbicara bidang perikanan ini saya ambil untuk membicarakan tentang penyertaan bumiputera di dalam bidang tersebut. Saya berpendapat ini adalah merupakan satu perkara yang perlu disampaikan dan perlu kita perjuangkan bersama agar penyertaan

bumiputera di dalam bidang ini dapat mencapai ke angka 30% sepertimana yang telah dimaktubkan di dalam Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Bagi tujuan tersebut setakat ini bilangan bumiputera di dalam aspek-aspek perkayuan adalah sangat kurang. Berdasarkan kepada angka tahun 1980 bahagian pengeksport bumiputera cuma 21%, kilang-kilang papan milik bumiputera baru mencapai ke angka 14% dan yang amat mendukacitakan pengeluar papan lapis dan veneer milik bumiputera baru ada 3%, pengeluar kayu kumai milik bumiputera juga begitu mendukacitakan setakat ini baru mencapai ke angka 3%. Keseluruhan keempat-empat bahagian tersebut saya kira puratanya adalah lebih kurang 10% sahaja.

Jadi oleh kerana bumiputera di dalam bidang perusahaan perkayuan ini penyertaannya begitu kurang maka adalah diharapkan kepada Kerajaan khususnya kepada Kementerian Perusahaan Utama supaya membuat pertimbangan yang teliti dan wajar agar matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu pencapaian sebanyak 30% untuk bumiputera di dalam bidang ini akan tercapai. Begitu juga bilangan bumiputera yang menyertai perusahaan-perusahaan pembalakan adalah amat kurang. Tidak ramai bumiputera yang boleh mengenal jenis-jenis pokok, tidak ramai bumiputera yang berkemampuan untuk menebang dan mengangkat kayu-kayu balak dan tidak ramai bilangan bumiputera yang memiliki lori-lori balak dan seumpamanya yang sehubungan dengannya. Jika sekiranya angka-angka di atas tidak diberikan perhatian oleh Kerajaan terutamanya Kementerian Perusahaan Utama maka pencapaian matlamat 30% penyertaan dalam bidang perkayuan ini akan gagal.

Tuan Pengerusi, angka-angka yang telah saya sebutkan di atas tadi sebagai penyertaan bumiputera di dalam bidang perkayuan ini begitu rendah disebabkan oleh beberapa faktor.

Pertama, saya ambil sebagai faktor kepakaran iaitu bumiputera terlalu kurang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan

pengalaman di dalam bidang pembalakan ini. Kekurangan di dalam bidang-bidang tersebut saya tidak tahu apalah sebabnya tetapi saya berharap agar Kerajaan khususnya Kementerian Perusahaan Utama ini memberikan pertimbangan dan perhatian yang teliti supaya kaum bumiputera diberikan pengetahuan, diberikan kemahiran dan pengalaman di dalam bidang-bidang yang saya sebutkan itu.

Kedua, faktor teknologi juga didapati bahawa terlalu kurang bumiputera yang mempunyai kemahiran untuk mengendalikan mesin-mesin dan jentera-jentera yang berat. Kurang kemahiran mengendalikan mesin dan jentera yang berat ditambah pula dengan ketidakpayaan kaum bumiputera untuk memiliki sendiri mesin-mesin dan jentera-jentera yang berat itu.

Ketiga, dari sudut modal memanglah di sana sini apabila membicarakan mengenai penyertaan bumiputera di dalam bidang perdagangan dan perindustrian maka faktor modallah yang selalu dibangkit-bangkitkan.

Keempat, sikap. Mungkin ada sedikit bilangan usahawan-usahawan bumiputera yang mempunyai sikap yang pasif di dalam hubungan ini.

Jadi, berdasarkan kepada masalah-masalah yang disebutkan itu tadi saya mencadangkan bahawa Kerajaan haruslah memperluaskan kegiatan latihan kemahiran di dalam semua aspek yang bersangkutan dengan perusahaan perkayuan kepada bumiputera dengan menubuhkan institusi-institusi latihan-latihan yang khususnya di dalam bidang ini.

Kedua, saya mencadangkan supaya Kerajaan melonggarkan syarat-syarat pinjaman kewangan daripada institusi-institusi kewangan yang ditentukan bagi pengusaha-pengusaha bumiputera. Jika perlu kawasan balak yang telah dikurniakan kepada syarikat-syarikat milik bumiputera secara 100% ini bolehlah dijadikan sebagai cagaran untuk tujuan kemudahan-kemudahan kredit daripada institusi-institusi kewangan tersebut.

Ketiga, saya juga mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan Unit Penyertaan Bumiputera di Kementerian Perusahaan Utama. Penubuhan Unit Penyertaan Bumiputera ini bertujuan untuk meneliti kegiatan perusahaan perakyuan bumiputera di samping memberikan khidmat nasihat kepada usahawan-usahawan tersebut di samping mengawasi gerak-geri "Ali Baba".

Keempat, dicadangkan juga kepada Kerajaan supaya mewujudkan kuota eksport, kuota kilang papan dan kuota pengeluaran papan lapis dan juga kayu kumai bagi bumiputera.

Kelima, dicadangkan juga supaya Kerajaan memberikan kawasan-kawasan hutan kepada syarikat-syarikat bumiputera hendaklah diperbanyakkan lagi. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Batang Padang. Majikan lombong ini tidak lain ialah buruh-buruh atau pekerja-pekerja lombong yang tadinya baharu menerima sedikit nikmat kenaikan gaji.

Tuan Pengerusi, kedudukan pekerja-pekerja lombong itu sekarang ialah bekerja hanya 20 hari dalam sebulan dengan gaji minima \$8.00 sehari, bererti pendapatan mereka tidak lebih daripada \$160 sebulan. Bayangkanlah betapa seksanya mereka membelanjakan pendapatan sebanyak itu di mana keadaan serupa malah mungkin kurang lagi dari pendapatan mereka sebelum kenaikan gaji dalam tahun 1980 yang lalu. Tuan Pengerusi, oleh itu di Dewan yang mulia ini juga saya mohon pertimbangan dan simpati kita terhadap kaum pekerja lombong yang malang itu supaya memberikan sedikit kelonggaran dan pelepasan beberapa cukai yang dikenakan ke atas para pengusaha lombong dengan tujuan untuk meringankan sedikit beban mereka itu, agar dengan itu mengembalikan semula hari kerja sepenuhnya kepada pekerja-pekerja lombong mereka yang terhad sekarang. Sebagaimana kata Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita yang lalu dalam Ucapan Budgetnya, katanya kita telahpun menyatakan cukai-cukai yang dikurangkan kepada pengusaha-pengusaha lombong bijih timah itu demi untuk menolong kaum

pekerja lombong. Jadi, saya amat berterima kasih dengan kenyataan itu dan berharap sungguh supaya disemak dan dikaji lagi dengan lebih teliti agar ianya benar-benar dapat menolong kaum pekerja lombong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Petaling.

6.37 ptg.

**Tuan Yeoh Poh San (Petaling):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka 158—Maksud pembangunan P. 19, Butiran (3) berkenaan dengan Rancangan Penanaman Semula Nenas.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan industri nenas sejumlah besar kenaikan dapat dilihat dalam peruntukan sebanyak \$4,340,020 untuk rancangan penanaman semula nenas bagi tahun 1983. Industri nenas ini, Tuan Pengerusi, adalah satu industri yang kurang sihat dan pada masa ini sepatutnya mendapat perhatian Kerajaan. Harapan saya ialah wang yang dibelanjakan itu akan dapat membantu penanaman nenas dalam negara ini. Walau bagaimanapun, kita mesti ingat bahawa industri nenas ini bukanlah satu industri besar yang boleh membantu ekonomi negara ini. Sekiranya industri nenas ini tidak menunjukkan kebaikan di masa akan datang, saya berharaplah Kerajaan akan menimbangkan cara lain untuk membantu penanam nenas termasuk menukar kepada tanaman lain yang akan meninggikan faedah kepada penanam nenas khususnya dan negara amnya.

Tuan Pengerusi, ingin saya sentuh Maksud Bekalan 19, Butiran 4100, Program (1)(b) tentang getah dan lain-lain bahan antarabangsa dan penyelidikan dan juga muka 158 Maksud Pembangunan 19, Butiran (2) berkenaan dengan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MARDEC). Tuan Pengerusi, perhatian yang lebih patut diberikan ke atas penanaman semula getah supaya kita dapat mengukuhkan lagi sektor pengeluaran getah. Adalah sangat mustahak supaya sektor ini tidak dilupakan, terutama sekali pekebun-pekebun kecil yang mana

pendapatan mereka adalah rendah. Satu usaha menanam getah semula secara besar-besaran akan memperkembangkan lagi ekonomi dan juga meninggikan semangat dan juga menyakinkan lagi kedudukan getah asli di masa hadapan. Tuan Pengerusi, kejatuhan harga getah baharu-baharu ini sama sekali tidak membantutkan industri getah, terutama sekali pekebun-pekebun kecil. Pekebun-pekebun kecil getah ini mengeluarkan 60% dari jumlah pengeluaran getah negara ini dan ini adalah satu bantuan besar kepada industri getah.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengesyorkan agar Kerajaan menimbang supaya menambahkan lagi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil getah. Saya menyeru Kerajaan supaya membeli getah yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil dengan harga yang lebih tinggi daripada harga pasaran sebagai subsidi secara menerus (direct subsidy) kepada pekebun-pekebun kecil. Saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun Yang Berhormat Menteri akan menjawab, ada masalah dari segi "polising". Tetapi saya berpendapat satu jawatankuasa boleh diadakan bagi melaksanakan skim ini supaya pelaksanaannya dapat dilaksanakan dengan licin dan teratur.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka 159, Maksud Pembangunan P. 19, Butiran 35 berkenaan dengan Penyelidikan dan Pembangunan Kayu. Tuan Pengerusi, industri perkayuan dalam negara ini telah digesa supaya lebih giat lagi memproses bahan mentah kayu balak dalam negara. Eksport kayu balak tidak digalakkan, (itu pendapat saya). Sebaliknya galakan telah diberi supaya kayu balak ini diproses dalam negara untuk dijadikan papan alat binaan dan perabut.

Tuan Pengerusi, untuk membantu industri ini menuju ke arah yang digalakkan, peruntukan yang lebih hendaklah diuntukkan bagi penyelidikan dan kemajuan. Malangnya, Tuan Pengerusi, sebaliknya telah berlaku, peruntukan sebanyak \$65,000 sahaja telah diuntukkan dalam Belanjawan 1983 bagi penyelidikan dan kemajuan kayu. Angka ini amat kecil kalau dibandingkan dengan

peruntukan bagi tahun 1982. Sekalipun disatukan dengan bahagian Penyelidikan ke arah Pengeluaran (Production Orientated Research), dalam P. 19 mukasurat 159, iaitu sebanyak \$20,000 sahaja. Jadi jumlahnya kalaulah kita ambil kedua-dua \$85,000, tidak sampai \$100,000 Tuan Pengerusi. Saya minta Kerajaan menyatakan sama ada peruntukan kecil ini, ke atas industri penting, dengan izin one of the top 3 earners of the country, ini patut diperbaiki supaya usaha memproses kayu balak di masa hadapan dipertingkatkan lagi dan harganya ditambah.

**Tuan Pengerusi:** Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.42 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Pengerusi, mula-mula izinkanlah saya melafazkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian dalam perbahasan di bawah tajuk Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Perusahaan Utama. Saya berusaha untuk memberi penjelasan dan sekiranya penjelasan itu tidak cukup, insya Allah, perhatian akan diberi kepada apa-apa sahaja perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membahaskan peruntukan bagi Kementerian saya ini.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda dan juga dari Petaling telah menyentuh mengenai kejatuhan harga getah dan juga bahan-bahan yang dihasilkan oleh negara kita.

Sebagaimana yang kita sedia maklum dan sebagaimana juga selalu dijelaskan oleh Menteri Perusahaan Utama dan saya sendiri di Dewan yang mulia ini, malah di luar Dewan ini bahawa memanglah Menteri, saya sendiri, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian inginkan harga bahan-bahan utama yang kita hasilkan itu tinggi. Sebabnya ialah

kerana kita ini disokong oleh pengundi-pengundi kita yang terlibat dalam menghasilkan bahan-bahan utama bagi negara kita. Kalau harga tinggi, maka sokongan diberi kepada Ahli Yang Berhormat pun tinggi dan kuat, tetapi apa boieh buat keadaan memaksa kita untuk menerima hakikat dan keadaan akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia, akibat daripada tekanan ekonomi terhadap negara kita khususnya sebuah negara pengeluar bahan utama ini, maka kita terpaksa menerima keadaan dan hakikat dan memahami bahawa memanglah itu sebabnya harga bahan-bahan utama ini jatuh dan penderitaan dari pihak pekebun-pekebun kecil terutama sekali adalah sangat kita sesali.

Tuan Pengerusi, saya sedar bahawa dalam tahun 1973-1974, apabila harga getah turun, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah menyentuh bahawa apabila Yang Berhormat masa itu iaitu Menteri Perusahaan Utama, Dato Musa Hitam, pergi ke Sik dan Baling, selepas pergi dan balik ke pejabat di Kuala Lumpur, harga getah terus naik dan Ahli Yang Berhormat pun mencadangkan supaya saya ataupun Menteri pergi ke sana. Mungkin selepas saya pergi ke sana dan balik ke pejabat, harga getah terus naik. Yang saya takut, kalau naik baiklah, Tuan Pengerusi, kalau turun, makin teruk. Memang Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menentukan supaya harga getah dan juga bahan-bahan utama seperti kelapa sawit, bijih timah, kayu-kayan yang dihasilkan oleh negara kita sentiasa stabil.

Mengenai getah, kita percaya bahawa dengan penyertaan kita dalam Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa dan dengan memeterikan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa dan dengan menyumbangkan kepada Tabung Stok Penimbal Getah Asli Antarabangsa, kita dapat setidak-tidaknya berusaha dengan negara-negara pengeluar dan pengguna lain untuk menolong membantu menstabilkan harga getah yang begini meleset. Setakat ini Tabung Stok Penimbal Getah telah berjaya, dalam bahasa Inggeris call up sumbangan daripada ahlinya sebanyak M\$686 juta dan setakat ini

Malaysia telah menyumbangkan lebih kurang M\$177 juta terhadap tabung itu. Alhamdulillah, kalaulah saya boleh syorkan ataupun beritahu Ahli Yang Berhormat ataupun tunjukkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, keadaan harga sekarang kita nampak apabila pihak pengurus stok penimbal membeli getah mulai dari tahun lepas, kita lihat bahawa harga getah semenjak masa itu hingga sekarang tidak pernah turun ke paras bawah daripada harga lantai, sekalipun harganya begitu rendah sebab harga lantainya pun ke paras itu juga.

Tuan Pengerusi, di samping langkah yang telah diambil oleh Perjanjian ataupun Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa, Pengeluar-pengeluar Getah Asli Antarabangsa (NRPC) telah bersetuju pada 14hb Oktober, 1982 ini supaya dalam masa 6 bulan semenjak perjanjian ataupun persetujuan itu dibuat, semua pihak industri ataupun swasta dari semua negara-negara pengeluar getah asli telah bersetuju untuk menahan penjualan getah ke pasaran dunia sebanyak lebihkurang 250,000 tan dan setakat ini, Alhamdulillah, di Malaysia pihak swasta dan pihak pekebun kecil telah berjaya menahan lebihkurang 129,000 tan getah di samping apa yang telah dibeli oleh Pengurus Stok Penimbal Perjanjian Getah Antarabangsa.

Di samping itu kita ada agensi-agensi, melalui MARDEC dan RISDA kita telah berjaya juga untuk membeli getah-getah daripada pekebun-pekebun kecil dan dengan agensi-agensi ini kita percaya dan telah terbukti bahawa langkah-langkah yang mereka ambil itu telah dapat setidak-tidaknya menstabilkan harga getah ke paras yang realistik bagi mereka, sekalipun kalau kita hendak fikirkan harga getah ini supaya naik lebih tinggi daripada itu memang susah, tetapi dalam keadaan kemelesetan ekonomi dunia sepertimana yang kita hadapi sekarang, saya rasa apa yang telah kita capai adalah cukup memuaskan. Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda dan juga dari Petaling akan diteliti oleh pihak Kementerian dan, insya-Allah, kita akan berusaha lebih

giat lagi untuk menentukan supaya harga getah yang begini teruk akan dapat dipulih semula di masa-masa akan datang.

Tuan Pengerusi, usaha yang keempat yang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan supaya harga getah akan dapat distabilkan ialah dengan meninggikan ataupun memperbanyakkan jumlah getah yang dipergunakan untuk diproses dalam negara. Setakat ini daripada lebih kurang 1.15 juta tan getah yang dihasilkan oleh negara kita tiap-tiap tahun, kita dapat memproses di kilang-kilang tempatan untuk dibuat atau dijadikan hasil yang boleh digunakan terus oleh pengguna sebanyak 68,000 tan getah satu tahun. Di dalam tahun 90-an kita berharap kita akan dapat meninggikan dan memperbanyakkan penggunaan getah yang kita keluarkan sehingga ke paras 300,000 tan dalam tahun 90-an, bukan 1990 tetapi 90-an.

Tuan Pengerusi, mengenai apa yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda, khususnya mengenai penyertaan bumiputera dalam industri minyak kelapasawit, sukalah saya jelaskan bahawa Kementerian Perusahaan Utama sentiasa menitik-beratkan soal penyertaan bumiputera. Kalaulah Ahli Yang Berhormat memikirkan perkara ini sangat serius, pihak Kementerian juga memikirkan lebih serius daripada itu, sebab pepatah Melayu ada mengatakan: Berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Jadi itulah hakikat yang sebenarnya.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan syor yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda mengenai penyertaan bumiputera ini, sukalah saya mengatakan bahawa peluang tetap terbuka bagi bumiputera untuk menyertai bidang perusahaan minyak kelapasawit di negara kita. Malahan dalam memberi dan mengeluarkan lesenpun Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapasawit (POLA) sentiasa menggalakkan supaya ekuiti bumiputera adalah sekurang-sekurangnya 30% daripada seluruh yang kita keluarkan.

Tuan Pengerusi, mengenai pemerosesan minyak kelapa sawit, memang pemerosesan dalam negeri kita menitikberatkan, malahan

setakat ini kita telah berjaya untuk memproses dalam refinery sebanyak lebih 90% daripada hasil kelapasawit yang kita keluarkan berbanding dengan tahun 60-an bila mana kita hanya dapat memproses lebih kurang 10%.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda juga menyentuh soal tembakau, kenapa kata Ahli Yang Berhormat termasuk kita hanya menanam tembakau di negeri-negeri Kelantan, Trengganu, Perlis termasuk sedikit Melaka. Kita mempunyai rancangan Tembakau Negara yang kita hendak laksanakan sekarang dan dalam rancangan Tembakau Negara di samping memperluaskan, kita juga ingin mengkosolidasikan industri itu. Semasa kita merancang industri tersebut kita juga mengkaji kesannya masa depan industri itu, akibat daripada apa yang kita katakan kempen kesihatan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan termasuk juga kita ini. Jadi soal sama ada hendak menyebarkan atau memperluaskan tananam tembakau di Kedah atau tidak, di sini saya mungkin silap, Tuan Pengerusi, kalau saya silap, saya akan perbetulkan selepas ini, apabila saya balik di Pejabat-kalau saya tak silap di Kedah ada sedikit tembakau.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Betul.**

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau kata ada sedikit. Jadi cadangan Yang Berhormat dari Ulu Muda itu untuk memperbesar dan memperluaskan kawasan menanam tembakau kita akan kaji tetapi untuk mengkaji menanam banyak tembakau di negeri Kedah tidaklah seharusnya menjadi objektif. Objektif kita ialah sama ada kita harus memperluaskan lebih besar lagi kawasan tembakau di seluruh negara atau tidak berasaskan kepada faktor-faktor termasuk apa yang saya sebutkan tadi faktor kempen kesihatan yang dijalankan oleh Kerajaan. Perlu saya jelaskan di sini bahawa setakat ini kita mengimport tembakau untuk diproses dalam negeri sebanyak 40% daripada apa yang kita perlukan dan 60% daripada tembakau yang kita proses di kilang-kilang yang membuat cigarette iaitu

rokok di negara kita ialah keluaran dalam negeri. Apa yang akan kita lakukan terhadap tembakau ialah untuk menentukan supaya dalam masa berperingkat kita akan dapat menambahkan peratus penggunaan tembakau tempatan yang digunakan dalam kilang-kilang membuat rokok di negara kita dan mengurangkan peratusan yang diimport daripada luar negeri.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah menyentuh mengenai pekerja-pekerja lombong yang sekarang ini menghadapi keadaan yang begitu teruk akibat daripada penyekatan ataupun pengurangan eksport ataupun pengeluaran bijih timah dari negara kita. Suka saya jelaskan bahawa memang pernah diperkatakan sama ada oleh yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama ataupun saya sendiri ataupun daripada agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab bahawa pada masa ini kita telah diarah oleh pihak International Tin Council (ITC) untuk mengurangkan pengeksportan bijih timah dari negara kita sebanyak 35.9%. Apa

sebabnya?. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum sebabnya ialah apabila harga timah meleset ataupun merosot di pasaran dunia didapati bahawa faktor yang menyebabkannya ialah dalam pasaran dunia pada masa ini dan juga pada masa itu surplus ataupun kelebihan bijih timah adalah begitu banyak dan sekiranya pengeluarannya daripada negara ini tidak disekat maka akhirnya akan terus menurun dan.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung jawapan minggu hadapan.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Terima kasih.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan Pengerusi:** Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 16hb. November, 1982 dan dengan itu saya mengucapkan Selamat Deepavali.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.*